جابتن ڤرانچڠن بندر دان ديسا نݢري كلنتن
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI KELANTAN
(PLANMalaysia Kelantan)

BLUEPRINT
BANDAR PINTAR NEGERI KELANTAN 2040

كلنتن ڤينتر



BLUEPRINT BANDAR PINTAR NEGERI KELANTAN 2040



Hak Cipta Terpelihara

Mana-mana bahagian dalam laporan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk cara, sama ada dengan cara elektronik, gambar rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit terlebih dahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

جابتن ڤرانچغن بندر دان ديسا نكري كلنتن
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI KELANTAN
(PLANMalaysia Kelantan)

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kelantan
(PLANMalaysia Kelantan)
Blok 6, Aras Atas, Kompleks Kota Darulnaim
15503 Kota Bharu, Kelantan

Tel	: +6 09-748 1957
Faks	: +6 09-744 4454
Emel	: jpbd@kelantan.gov.my
Portal Jabatan	: https://jpbd.kelantan.gov.my

Walaupun ketepatan fakta dipatuhi semasa pengumpulan maklumat dan kajian ini dijalankan, pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kelantan tidak bertanggungjawab atas sebarang kemungkinan yang berlaku akibat kesilapan yang tidak dimaksudkan.

Halaman ini sengaja dibiarkan kosong

جابتن ڤرانچڠن بندر دان ديسا نکري کلنتن

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI KELANTAN

(PLANMalaysia Kelantan)

dengan kerjasama

PLANMalaysia

Perancangan Melangkaui Kelaziman

Planning : Beyond Conventional

PERUTUSAN

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR KELANTAN

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Firman Allah SWT:

۞وَإِلَىٰ ثَمُودَ أَخَاهُمْ صَٰلِحًا ۚ قَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم
مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥ ۖ هُوَ أَنشَأَكُم مِّنَ ٱلْأَرْضِ وَٱسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا
فَٱسْتَغْفِرُوهُ ثُمَّ تُوبُوٓا۟ إِلَيْهِ ۚ إِنَّ رَبِّى قَرِيبٌ مُّجِيبٌ

Maksudnya: "Dan kepada kaum Thamud, kami utuskan saudara mereka: Nabi Salih ia berkata: "Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah! Sebenarnya tiada Tuhan bagi kamu selain daripadaNya. Dialah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya. Oleh itu mintalah ampun kepada Allah dari perbuatan syirik, kemudian kembalilah kepadaNya dengan taat dan tauhid. Sesungguhnya Tuhanku sentiasa dekat, lagi sentiasa memperkenankan permohonan hambaNya".

(Surah Hud:61)

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya, Kerajaan Negeri Kelantan berjaya menerbitkan *Blueprint* Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040 (BPNK 2040) sebagai panduan komprehensif ke arah pembangunan digital dan transformasi negeri ini menuju status Negeri Pintar menjelang tahun 2040.

Pelaksanaan BPNK 2040 adalah sejajar dengan hasrat kerajaan untuk membangunkan negeri ini ke arah negeri pintar berlandaskan pendekatan Membangun Bersama Islam yang telah menjadi dasar utama pentadbiran sejak sekian lama. Pendekatan ini memberi penekanan kepada pembangunan berteraskan nilai-nilai Islam, keadilan sosial, kesejahteraan rakyat, pemeliharaan alam sekitar serta kemajuan yang beretika dan berintegriti.


Dalam era revolusi teknologi, aspirasi bandar pintar bukan sekadar memperkasakan perkhidmatan bandar menerusi kemudahan seperti *Internet of Things* (IoT), kecerdasan buatan (AI) dan infrastruktur digital moden, malah ia turut merangkumi pembinaan masyarakat celik teknologi, berdaya saing serta berakhlak tinggi.

Penerbitan dokumen ini merupakan bukti kesungguhan Kerajaan Negeri untuk menjadikan Kelantan sebagai negeri contoh yang memanfaatkan kemajuan teknologi digital, sambil kekal berpaksikan prinsip syariah dan nilai-nilai Islam yang sejati.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan komitmen serta sumbangan dalam penghasilan blueprint. Semoga BPNK 2040 menjadi pemacu utama dalam merealisasikan pembangunan Kelantan yang pintar, sejahtera dan diberkati, Insya-Allah.

Terima kasih.

"ISLAM DIJUNJUNG, RAKYAT BERSATU, NEGERI BERKAT, RAJA BERDAULAT"
"PENGHAYATAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM (PMBI)"



DATO' PANGLIMA PERANG
USTAZ DATO' HAJI MOHD NASSURUDDIN BIN HAJI DAUD
S.J.M.K., D.J.M.K., J.M.K. (Kelantan)



KATA-KATA ALUAN
SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam sejahtera dan Salam Kelantan Pintar.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita berjaya menyediakan satu dokumen perancangan strategik yang amat penting iaitu *Blueprint* Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040 (BPNK 2040) yang menjadi asas dan hala tuju ke arah pembangunan bandar pintar yang mampan, inklusif dan berpaksikan nilai-nilai Islam di negeri ini.

Usaha memperkasa bandar-bandar dengan pendekatan teknologi moden perlu dirancang secara strategik, menyeluruh dan berterusan agar seiring dengan identiti serta keperluan rakyat negeri ini. Pembangunan bandar pintar bukan sahaja melibatkan aplikasi teknologi canggih, malah merangkumi penyediaan infrastruktur fizikal dan digital yang menyokong kesejahteraan hidup rakyat, keselamatan, kebolehcapaian serta kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan awam.

BPNK 2040 ini akan menjadi rujukan utama kepada semua agensi kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam merancang, menyelaras dan melaksanakan inisiatif bandar pintar secara sistematik dan berfasa. Ia juga merupakan platform penting untuk menangani cabaran perbandaran masa hadapan secara bijaksana dan bersepadu sejajar dengan aspirasi menjadikan Kelantan sebagai sebuah negeri yang diberkati, sejahtera dan pintar menjelang tahun 2040.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penyediaan *blueprint* ini. Diharapkan dokumen ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua pemegang taruh bagi merealisasikan agenda pembangunan negeri yang lebih berimpak dan berdaya tahan.

Sekian, terima kasih.

DATO' DR. TENGKU MOHAMED FAZIHARUDEAN AL-HAJ BIN TENGKU FEISSAL
(TENGKU KAYA PERKASA)



PENDAHULUAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam sejahtera

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, *Blueprint* Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040 (BPNK 2040) telah berjaya disediakan. Saya bagi pihak Jabatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama, komitmen dan sokongan sepanjang pelaksanaan kajian ini.

Sepanjang tempoh kajian dijalankan, kami amat menghargai segala bentuk kerjasama yang diberikan oleh pelbagai pihak. Ucapan terima kasih khusus ditujukan kepada PLANMalaysia (Ibu Pejabat) atas sumbangan besar dalam bentuk khidmat nasihat, tunjuk ajar dan sokongan teknikal yang amat berharga dalam memperkukuh arah tuju dan kandungan dokumen ini. Turut dirakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pasukan sokongan teknikal kajian, rakan strategik termasuk agensi kerajaan negeri dan persekutuan, pihak berkuasa tempatan, pemain industri serta institusi akademik atas segala input, pandangan dan kerjasama yang telah mencorak dokumen ini dengan lebih menyeluruh dan inklusif.

Dokumen ini merupakan satu inisiatif penting yang dirangka untuk memberi arah tuju yang jelas kepada usaha menjadikan Kelantan sebagai sebuah negeri pintar yang berdaya saing dan sejahtera menjelang tahun 2040.

Secara keseluruhan, *Blueprint* BPNK 2040 telah menggariskan 35 dasar, 107 strategi, 198 inisiatif, 238 sasaran dan penglibatan daripada 121 agensi. Dokumen ini diharapkan dapat dijadikan rujukan utama dalam menyusun langkah-langkah pelaksanaan pembangunan bandar pintar di peringkat negeri dan tempatan, khususnya sebagai panduan kepada pihak berkuasa tempatan dalam merangka dan melaksanakan Pelan Tindakan Bandar Pintar masing-masing secara tersusun, bersasar dan berimpak tinggi.

Akhir kata, saya berharap segala usaha yang telah dirintis ini akan menjadi titik tolak kepada satu perubahan yang bermakna ke arah Kelantan yang lebih pintar, inklusif dan dirahmati. Semoga dokumen ini benar-benar dimanfaatkan demi kesejahteraan rakyat dan kemajuan negeri tercinta.

Sekian, terima kasih.

TPr MAZILLAH AZLEEN BINTI MAT NOR
Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kelantan
(PLANMalaysia Kelantan)



PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua organisasi dan individu yang telah memberikan sumbangan idea, tenaga serta komitmen dalam menjayakan penerbitan *Blueprint* Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040. Terima kasih yang tidak terhingga kepada para pakar dari agensi kerajaan, industri, institusi pengajian tinggi, wakil komuniti serta individu yang turut sama menyumbang kepakaran dalam penyediaan dokumen ini. Penghargaan khas juga ditujukan kepada pasukan editor, penulis, pakar rujuk dan pereka yang telah berusaha gigih memastikan *blueprint* ini disiapkan dengan jayanya. Kerjasama erat dan semangat kolektif yang ditunjukkan amat membanggakan dan menjadi bukti keazaman bersama untuk membawa Kelantan ke arah masa depan yang lebih pintar, diberkati dan sejahtera.

PASUKAN TERAS KAJIAN

جابتن ڤرانچڠن بندر دان ديسا نݢري كلنتن
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kelantan
(PLANMalaysia Kelantan)

PLANMalaysia
Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

PASUKAN SOKONGAN TEKNIKAL KAJIAN

(UPEN)
UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI KELANTAN

(BKT)
BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN NEGERI KELANTAN

(BPTM)
BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT NEGERI KELANTAN

RAKAN STRATEGIK (AGENSI NEGERI)

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI KELANTAN

PEJABAT-PEJABAT PENTADBIR TANAH DAN JAJAHAN NEGERI KELANTAN

JKR KELANTAN

KBS

LKIM

JABATAN PERTANIAN KELANTAN

PMBK

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI KELANTAN

AIR KELANTAN SDN BHD

PERHUTANAN

PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN

PPAK

YAKIN

KELANTAN UTILITIES MUDAARAKAH

Jabatan KEBAJIKAN Masyarakat

Berkat Berjasa

KPKB

KELANTAN ICT GATEWAY

RAKAN STRATEGIK (AGENSI PERSEKUTUAN)

RAKAN STRATEGIK (PEMAIN INDUSTRI)

RAKAN STRATEGIK (INSTITUSI)

باب ١

BAB 1
PENGENALAN

MENUJU ERA KELANTAN PINTAR DAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM **M/S**

1.1	Pengenalan	1-1
1.2	Keperluan Bandar Pintar	1-2
1.3	Agenda Global, Negara, Negeri dan Tempatan	1-5
1.4	*Blueprint* sebagai Hala Tuju Strategik	1-8
1.5	Transformasi Negeri Kelantan Ke Arah Negeri Pintar	1-8
1.6	Kronologi Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040	1-9
1.7	Rangka Tindakan *Blueprint* Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040	1-11
1.8	Fokus *Blueprint* Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040	1-12
1.9	Komponen Utama Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040	1-13
1.10	Profil dan Informasi Negeri Kelantan	1-15
1.11	Prospek Pembangunan Negeri Kelantan	1-16
1.12	Tren Tepu Bina Perbandaran dan Kadar Urbanisasi Negeri Kelantan	1-20

باب ٢

BAB 2
CABARAN MASA DEPAN

TRANSFORMASI KELANTAN MENUJU BANDAR PINTAR		M/S
2.1	**Tahap Ketersediaan Kelantan Ke Arah Bandar Pintar**	2-1
2.1.1	Tahap Ketersediaan Penduduk Negeri Kelantan	2-2
2.1.2	Pemahaman Penduduk Kelantan terhadap Konsep Bandar Pintar	2-3
2.1.3	Pemahaman Penduduk terhadap Cabaran dan Perkhidmatan Perbandaran	2-4
2.1.4	Keutamaan Rakyat Kelantan terhadap Pembangunan Bandar Pintar	2-5
2.1.5	Penggunaan Teknologi dan Aplikasi Pintar Rakyat Kelantan	2-6
2.1.6	Harapan Rakyat Kelantan terhadap Bandar Pintar	2-7
2.2	**Bandar Pintar dari Perspektif Agensi**	2-9
2.2.1	Ketersediaan Agensi	2-10
2.2.2	Perkhidmatan Digital Agensi	2-11
2.2.3	Tahap Perkembangan Perkhidmatan Digital Agensi Kerajaan Negeri	2-12
2.2.4	Pelaksanaan Polisi Data Terbuka	2-13
2.2.5	Pelaksanaan Integrasi Data (*Data Integration*) oleh Agensi	2-14
2.2.6	Rumusan Inisiatif Bandar Pintar yang telah Dilaksanakan oleh Agensi	2-15
2.3	**Ketersediaan Infrastruktur Digital di Negeri Kelantan**	2-18
2.3.1	Perancangan JENDELA bagi Negeri Kelantan	2-20
2.3.2	Teknologi Sambungan Tanpa Wayar Generasi Kelima (5G) Negeri Kelantan	2-21
2.3.3	Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) di Negeri Kelantan	2-22
2.4	**Isu dan Cabaran dalam Pengurusan Bandar Pintar**	2-24

باب ٣

BAB 3
KE ARAH KELANTAN PINTAR

MEMANDU ARAH PEMBANGUNAN BANDAR PINTAR NEGERI KELANTAN **M/S**

3.1 Hala Tuju Kelantan Pintar 2040 3-1

3.1.1 Visi *Blueprint* Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040 3-2

3.2 Pemacu Pembangunan Bandar Pintar Negeri Kelantan 3-3

3.3 Kerangka Hala Tuju Pembangunan Bandar Pintar Negeri Kelantan 3-4

3.4 Rumusan Dasar, Strategi, Inisiatif dan Indikator Sasaran 3-6

i. *Smart People* 3-10

ii. *Smart Government* 3-26

iii. *Smart Economy* 3-34

iv. *Smart Digital Infrastructure* 3-48

v. *Smart Environment* 3-53

vi. *Smart Living* 3-64

vii. *Smart Mobility* 3-71

3.5 Projek Perintis Bandar Pintar Mengikut PBT 3-78

3.6 Penjajaran Projek/Program Bandar Pintar Negeri Kelantan dan MSISO37122:2019 (Standard Indikator Bandar Pintar) 3-82

3.7 Kelantan Menuju Negeri Pintar 3-87

3.7.1 Pengurusan Masjid Pintar/Pendigitalan Masjid 3-88

3.7.2 Pendidikan Pintar 3-102

3.7.3 Tenaga Boleh Diperbaharui 3-104

3.7.4 Teknologi Hijau 3-106

باب ٤

BAB 4
TADBIR URUS PINTAR

PENGURUSAN STRATEGIK DAN PELAKSANAAN PEMBANGUNAN BANDAR PINTAR		M/S
4.1	**Tadbir Urus Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Kelantan 2030**	4-1
4.2	**Cadangan Struktur Tadbir Urus Jawatankuasa Bandar Pintar Negeri Kelantan**	4-3
4.2.1	Peranan dan Fungsi Jawatankuasa Bandar Pintar Negeri Kelantan	4-4
4.2.2	Cadangan Organisasi Peringkat Negeri Kelantan	4-5
4.3	**Cadangan Unit Pengurusan Projek Bandar Pintar Negeri Kelantan (UPP-BP)**	4-6
4.3.1	Fungsi Utama UPP-BP	4-7
4.4	**Cadangan Tadbir Urus Bandar Pintar Peringkat Tempatan**	4-9
4.4.1	Tadbir Urus Bandar Pintar Peringkat Majlis Bandaraya	4-9
4.4.2	Tadbir Urus Bandar Pintar Peringkat Majlis Perbandaran	4-10
4.4.3	Tadbir Urus Bandar Pintar Peringkat Majlis Daerah	4-10
4.5	**Mekanisma Pelaksanaan**	4-11
4.5.1	Fasa Pelaksanaan Inisiatif Bandar Pintar	4-12
4.5.2	Model Pelaksanaan Pembiayaan Projek Bandar Pintar	4-13
4.5.3	Landskap Sokongan Strategik bagi Pembangunan Bandar Pintar	4-14
4.6	**Roadmap Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040**	4-15
4.7	**Teras Penilaian Tahap Kematangan Bandar Pintar**	4-16
4.8	**Sasaran Negeri Pintar 2040 Mengikut Tahap Pensijilan**	4-17
4.9	**Gagasan Membangun Bersama Islam**	4-19
4.10	**Bandar Pintar dari Lensa Pemikiran Tok Guru**	4-21
4.11	**Pendekatan Pembangunan Rakyat Pintar**	4-23
4.11.1	Konsep Medan Ilmu dalam Konteks Bandar Pintar	4-23
4.11.2	Cadangan Memperkasa Ke Arah *Smart* Medan Ilmu	4-24

باب ٥

BAB 5
PENUTUP

AKHIR KATA	M/S
5.1 Penutup	5-1
5.2 Ekosistem Kelantan Pintar	5-2

SENARAI RAJAH

باب ٢	2.1	Ranking Keutamaan Pembangunan Bandar Pintar	2-5
	2.2	Peranti Pintar yang Digunakan oleh Isi Rumah di Negeri Kelantan	2-6
	2.3	Tujuan Penggunaan Peranti Pintar oleh Setiap Isi Rumah	2-6
	2.4	Ranking Tahap Kesiapsiagaan Pelaksanaan Bandar Pintar	2-9
	2.5	Ranking utama antara 7 komponen dalam bandar pintar	2-9
	2.6	Ketersediaan Agensi dalam penyediaan Dasar, Inisiatif atau Pelan Tindakan Bandar Pintar	2-10
	2.7	Perkhidmatan Digital Secara (End-to-End, E2E) di Peringkat Kerajaan Negeri Kelantan	2-11
	2.8	Ketersediaan Agensi dalam Pelaksanaan Polisi Data Terbuka	2-13
	2.9	Tahap Integrasi Data oleh Agensi	2-14
	2.10	Tahap Persetujuan Agensi bagi Integrasi Data	2-14
باب ٣	3.1	Elemen-elemen Pemacu Pembangunan Bandar Pintar Negeri Kelantan	3-3
	3.2	Pecahan Cadangan Inisiatif (Projek/Program) Berdasarkan Fasa Pelaksanaan	3-7
باب ٤	4.1	Struktur Tadbir Urus Majlis Teknologi Maklumat Negeri (MTMN)	4-1
	4.2	Peranan dan Tanggungjawab Struktur Tadbir Urus MTMN	4-2
	4.3	Objektif Jawatankuasa Bandar Pintar Negeri Kelantan	4-3
	4.4	Cadangan Organisasi Peringkat Negeri Kelantan	4-5
	4.5	Struktur Unit Pengurusan Projek Bandar Pintar Negeri Kelantan (UPP-BP)	4-6
	4.6	Cadangan Model Penyelarasan Peringkat Majlis Bandaraya	4-9
	4.7	Cadangan Model Penyelarasan Peringkat Majlis Perbandaran	4-10
	4.8	Cadangan Model Penyelarasan Peringkat Majlis Daerah	4-10
	4.9	Fasa Pelaksanaan Inisiatif Bandar Pintar	4-11
	4.10	Model Pelaksanaan *Public Funding* (PF)	4-12
	4.11	Model Pelaksanaan *Public and Private Funding* (PPF)	4-12
	4.12	Model Pelaksanaan Private Funding Initiative (PFI)	4-13
	4.13	Landskap Sokongan Strategik Pembangunan Bandar Pintar	4-14
	4.14	Lokasi Medan Ilmu di Negeri Kelantan	4-23

SENARAI JADUAL

باب ١	1.1	Tren Pembangunan Perbandaran di Negeri Kelantan	1-21
باب ٢	2.1	Tahap Kepuasan Perkhidmatan Perbandaran PBT berdasarkan Skop Kajian	2-4
	2.2	Ketersediaan Sambungan Gentian Optik (FTTH) di Negeri Kelantan	2-18
	2.3	Status Perancangan JENDELA 4G/LTE bagi Negeri Kelantan	2-20
	2.4	Status Perancangan JENDELA 5G bagi Negeri Kelantan	2-21
	2.5	Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) di Jajahan Kelantan	2-23
باب ٣	3.1	Senarai Projek Perintis Bandar Pintar Negeri Kelantan	3-78
	3.3	Perincian Penjajaran Projek/Program Mengikut Standard Indikator Bandar Pintar (MS ISO 37122 : 2019)	3-83
باب ٤	4.1	Cadangan Inisiatif Bandar Pintar Mengikut Tahap Pensijilan	4-17

GLOSARI

JAWATANKUASA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

J. Pendidikan	Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi
J. Kebajikan	Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita
J. Pelaburan	Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan dan Keusahawanan
J. Kerajaan Tempatan	Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar
J. Pertanian	Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi
J. Infrastruktur	Jawatankuasa Kerjaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar
J. Sumber Asli	Jawatankuasa Pembangunan Wilayah, Sumber Asli, Integriti, Pembangunan Insan dan Undang-Undang
J. Pelancongan	Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan
J. Belia & Sukan	Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat
J. Ekonomi	Jawatankuasa Perancangan, Pentadbiran Awam, Kewangan, Ekonomi dan Tanah
J. Dakwah	Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta

NOMBOR

2G	Generasi Kedua Teknologi Rangkaian Selular Jalur Lebar
3G	Generasi Ketiga Teknologi Rangkaian Selular Jalur Lebar
3R	Pengurangan, Guna Semula dan Kitar Semula
4G	Generasi Keempat Teknologi Rangkaian Selular Jalur Lebar
5G	Generasi Keempat Teknologi Rangkaian Selular Jalur Lebar

A

APAD	Agensi Pengangkutan Awam Darat
APM	Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
ARC	Advanced Research Communication Sdn. Bhd.
AKSB	Air Kelantan Sdn. Bhd.

B

B40	Bawah 40%
BAHUU	Bahagian Undang-Undang
BERNAS	Padiberas Nasional Berhad
BIMB	Bank Islam Malaysia Berhad
BKI-GIS	Bahagian Koridor Infrastruktur – Sistem Maklumat Geospatial
BKPK	Bahagian Koordinasi Dan Program Khas
BKP	Bahagian Khidmat Pengurusan
BKT	Bahagian Kerajaan Tempatan
BNM	Bank Negara Malaysia
BPSM	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
BPTM	Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat

C

CCTV	Televisyen Litar Tertutup
CIAST	Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan
CIDB	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan
CPTED	Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekitaran
CSO	Sektor Swasta dan Pertubuhan Masyarakat Sivil

D

DOA	Jabatan Pertanian Malaysia
DOF	Jabatan Perikanan Malaysia

E

ECERDC	East Coast Economic Region Development Council
ECER	Wilayah Ekonomi Pantai Timur
ECRL	Laluan Rel Pantai Timur
EPU	Unit Perancang Ekonomi
EV	Kenderaan Elektrik

F

FAMA	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
FELCRA	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
FIT	*Feed-in Tariff*
FTTH	Ketersediaan Sambungan Gentian Optik

G

GIS	Sistem Maklumat Perancangan
GLC	*Government Link Company*
GPS	Sistem Kedudukan Sejagat

I

IADA	Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu
IBC	*In Building Coverage*
IBK	Infrastruktur Komunikasi Berskala Kecil
ICU	Unit Penyelarasan Pelaksanaan
IKBN	Institut Kemahiran Belia Negara
ILDAN	Institut Latihan Darul Naim
ILP	Institut Latihan Perindustrian
IMT-GT	*Indonesia Malaysia Thailand Growth Triangle*
INTAN	Institut Tadbiran Awam Negara
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTG	Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
IQSB	Infra Quest Sdn. Bhd

IWK	Indah Water Konsortium

J

JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JAPEN	Jabatan Penerangan Malaysia
JAS	Jabatan Alam Sekitar
JDN	Jabatan Digital Negara
JHEIK	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan
JKKN	Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Kelantan
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JKNK	Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
JKT	Jabatan Kerajaan Tempatan
JKR	Jabatan Kerja Raya
JLN	Jabatan Landskap Negara
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPDP	Jabatan Perlindungan Data Peribadi
JPJ	Jabatan Pengangkutan Jalan
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
JPNK	Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan
JPP	Jabatan Perkhidmatan Pembentungan
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran
JPV	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia
JPVNK	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan
JSANK	Jabatan Sumber Air Negeri Kelantan
JTK	Jabatan Tenaga Kerja
JUPEM	Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia

K

KADA	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
KBCSB	Kelantan Biotech Corporation Sdn. Bhd.
KBS	Kementerian Belia dan Sukan
KDNK	Kementerian Dalam Negeri Kasar
KESEDAR	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan
KIAS	Kolej Islam Antarabangsa
KIGSB	Kelantan ICT Gateway Sdn. Bhd.
KKDW	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah Malaysia
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPDN	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
KPDNKK	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
KPKAS	Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar
KPKB	Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad
KPKM	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KPLB	Kementerian Pembangunan Luar Bandar
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPTM	Kolej Poly-Tech MARA
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
KSAS	Kawasan Sensitif Alam Sekitar

KSM	Kementerian Sumber Manusia
KTMB	Keretapi Tanah Melayu Berhad
KUM	Kelantan Utilities Mubarakan Holdings Sdn. Bhd.
KUSKOP	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

L

LED	Diod Pemancar Cahaya
LGM	Lembaga Getah Malaysia
LKIM	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
LLM	Lembaga Lebuhraya Malaysia
LPP	Lembaga Pertubuhan Peladang
LPPKN	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
LPT	Lebuh Raya Pantai Timur
LTE	*Long Term Evolution*

M

MAFI	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
MAHB	Malaysia Airports Holdings Berhad
MAGIC	Malaysian Global Innovation and Creativity Centre
MAIK	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MAQIS	Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MARDI	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia
MATRADE	Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia
MDD	Majlis Daerah Dabong
MDEC	Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia
MDKK	Majlis Daerah Kuala Krai
MDKPI	Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam
MDPP	Majlis Daerah Pasir Puteh
MDGM	Majlis Daerah Gua Musang
MDTM	Majlis Daerah Tanah Merah
MEDAC	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
MeSRA	Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan dan Pertubuhan Sukarelawan Rakyat Kelantan
METMalaysia	Jabatan Meteorologi Malaysia
MGTC	*Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation*
MIDA	Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
MIROS	Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia
MITI	Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
MMA	*Malaysian Medical Association*
MOF	Kementerian Kewangan
MOSTI	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
MOT	Kementerian Pengangkutan Malaysia
MOTAC	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
MPIB	Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia
MPUK	Majlis Pembangunan Usahawan Kelantan
MRL	Malaysia Rail Link Sdn. Bhd.

MRSM	Maktab Rendah Sains MARA
MyIPO	Perbadanan Harta Intelek Malaysia

N

NADMA	Agensi Pengurusan Bencana Negara
NADI	Pusat Sebaran Maklumat Nasional
NASCA	Agensi Keselamatan Siber Negara
NFP	Penyedia Kemudahan Rangkaian
NGV	Kenderaan Gas Asli
NGO	Pertubuhan bukan Kerajaan/ pemerintah
NUA	Agenda Perbandaran Baharu

O

OKU	Orang Kurang Upaya
OSD	*On-Site Detention*

P

PAWE	Pusat Aktiviti Warga Emas
PayNet	Payments Network Malaysia Sdn. Bhd.
PBBT	Perbadanan Bandar Baru Tunjong
PBN	Pihak Berkuasa Negeri
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PE	Kesetaraan Penduduk
PERKESO	Pertubuhan Keselamatan Sosial
PHICTNK	Pelan Halatuju ICT Negeri Kelantan
PKINK	Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan
PKK	Pusat Khidmat Kontraktor
PKPNK	Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan
PKS	Perbadanan Perusahan Kecil Dan Sederhana
PMBK	Pejabat Menteri Besar Kelantan
PMK	PLANMalaysia Kelantan
PMKS	Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana
PNM	Perpustakaan Negara Malaysia
PPAK	Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan
PPN	Pejabat Pembangunan Negeri
PSKMK	Pelan Strategik Kelantan Melangkah Kehadapan
PSPSUKNK	Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Negeri Kelantan
PTG	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan
PTJ	Pejabat Tanah Jajahan
PTJKK	Pejabat Tanah Jajahan Kuala Krai
PTJKB	Pejabat Tanah Jajahan Kota Bharu

Q

QR	Tindak Balas Cepat

R

RISDA	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah
R&D	*Reseach and Development*
RFN	Rancangan Fizikal Negara
RKBPM	Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia
RMKe	Rancangan Malaysia Ke-12
RSNK	Rancangan Struktur Negeri Kelantan

RTJJ	Rancangan Tempatan Jajahan Jeli
RTJKK	Rancangan Tempatan Jajahan Kuala Krai
RTJPM	Rancangan Tempatan Jajahan Pasir Mas
RTMDKPI	Rancangan Tempatan Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam

S

SEDA	Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari
SIRIM	Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
SME CORP	Perbadanan Perusahan Kecil dan Sederhana Malaysia
SPAH	Sistem Penuaian Air Hujan
SPAN	Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
SPARK	Unit Pelaksanaan dan Pemantauan Strategik Negeri
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
ST	Suruhanjaya Tenaga
STEM	*Science, Technology, Engineering and Mathematics*
SUK	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
SWCorp	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam

T

TIC	Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan
TKPM	Taman Kekal Pengeluaran Makanan
TLK	Tempat Letak Kereta
TM	Telekom Malaysia
TnG	Touch 'n Go
TOD	Pembangunan Berorientasi Transit
TNB	Tenaga Nasional Berhad
TVET	*Technical and Vocation Education Trainning*
TS	Teras Strategik

U

U-KeKWa	Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan
UMK	Universiti Malaysia Kelantan
UMT	Universiti Malaysia Terengganu
UPEN	Unit Perancang Ekonomi Negeri
UTC	Pusat Transformasi Bandar
U-BeS	Urus Setia Belia dan Sukan
USB	*Universal Serial Bus*

V

VSP	*Volunteer Smartphone Patrol*
VSaaS	*Video Surveillance as a Service*

W

WTE	Sisa Buangan Kepada Tenaga
Wi-Fi	Rangkaian kawasan setempat tanpa wayar

Y

YAKIN	Pinjaman Yayasan Kelantan Darulnaim
YIK	Yayasan Islam Kelantan
YIM	Yayasan Inovasi Malaysia

بندر ڤينتر نكري كلنتن ٢٠٤٠

© PLANMalaysia Kelantan

Halaman ini sengaja dibiarkan kosong

BAB

1



PENGENALAN

PENGHAYATAN
MEMBANGUN BERSAMA ISLAM

منوجو ايرا كلنتن ڤينتر دان ممباڠون برسام اسلام

1.1

PENGENALAN

Blueprint **Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040 dirangka untuk menyokong agenda bandar pintar yang berteraskan nilai-nilai Islam, dengan memanfaatkan teknologi pintar secara harmoni dan seimbang, demi kesejahteraan masyarakat dan kemajuan negeri.**

“MERANGKA DAN MEMANDU ARAH PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN BANDAR PINTAR BAGI NEGERI KELANTAN SEHINGGA 2040”

Blueprint **ini merupakan satu manifestasi Kerajaan Negeri Kelantan dalam memandu arah perancangan bandar-bandar baharu dan menyokong pembangunan bandar-bandar sedia ada, dengan tujuan menempatkan (*situating*) kedudukan Negeri Kelantan seiring dengan negeri atau bandar yang maju diperingkat nasional mahupun antarabangsa.**

1.2

KEPERLUAN
BANDAR PINTAR

Menjelang tahun 2050, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) meramalkan hampir 70% penduduk dunia akan tertumpu di bandar utama. Peningkatan populasi bandar global dijangka berkembang sehingga 90% di rantau Asia.

Seiring dengan itu, konsep bandar pintar dijadikan salah satu pendekatan utama untuk menangani isu-isu perbandaran, meningkatkan kualiti hidup, menggalakkan pertumbuhan ekonomi, membangunkan persekitaran mampan dan selamat, serta memacu pertumbuhan bandar yang cekap melalui pemanfaatan teknologi (Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia 2019-2025, 2019).

Hala tuju perancangan ini berpandukan kepada **konsep "*People Creative Standard City*" dan "Ukhuwah Islamiyah".**

Teknologi dijadikan sebagai wasilah utama, dengan tujuan **menormalisasikan penggunaan teknologi dalam setiap pembangunan perbandaran** bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan bandar.

Pendekatan berteraskan prinsip Ukhuwah Islamiyah, iaitu pembangunan bandar pintar yang mengutamakan **penyertaan, keperluan dan aspirasi rakyat Kelantan.**

Memperkasakan Perancangan Bandar Pintar

Hierarki perancangan dan pembangunan negara berasaskan pelbagai peringkat yang menyediakan rangka kerja komprehensif untuk memperkasa perancangan bandar pintar. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) merupakan instrumen utama dalam pelaksanaan perancangan bandar pintar. Dengan merujuk kepada hierarki perancangan dan pembangunan negara, perancangan bandar pintar Negeri Kelantan dapat dilaksanakan secara inklusif, mampan, dan selaras dengan aspirasi pembangunan yang memberi muafakat kepada rakyat.

Hierarki Perancangan dan Pembangunan Negara

Peringkat 1 Perancangan Peringkat Negara/Kementerian

١

- Rancangan Malaysia 5 Tahun
- Rancangan Fizikal Negara
- Dasar Sektoral

Peringkat 2 Perancangan Peringkat Wilayah/Negeri

٢

- Pelan Pembangunan Wilayah/Negeri
- Rancangan Struktur Negeri
- Dasar atau Pelan Sektoral

Peringkat 3 Perancangan Peringkat Tempatan

٣

- Rancangan Tempatan Jajahan
- Rancangan Kawasan Khas

Peringkat 4 Permohonan Pemajuan

٤

- Kebenaran Merancang
- Pelan Kejuruteraan
- Pelan Bangunan

Inisiatif bandar pintar merujuk kepada penggunaan teknologi dan inovasi untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk, mengoptimumkan pengurusan bandar, serta memastikan pembangunan yang efisien dan lestari. Di Kelantan, inisiatif ini merangkumi pelaksanaan Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia, *Blueprint* Bandar Pintar, dan Pelan Tindakan Bandar Pintar, yang bertujuan memperkenalkan teknologi dan inovasi dalam pengurusan bandar. Selain itu, Kawalan Pembangunan juga diambil kira untuk memastikan pematuhan dalam setiap projek yang dilaksanakan.

Inisiatif Berkaitan Bandar Pintar



Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia

Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia merupakan panduan dan rujukan khususnya kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), kerajaan negeri, kementerian dan jabatan, pemain industri serta pihak berkepentingan untuk merancang dan membangunkan bandar pintar yang holistik di Malaysia dan seiring dengan perkembangan semasa.



Blueprint Bandar Pintar

***Blueprint* bandar pintar** disediakan di peringkat negeri (*state-wide*) yang menjadi '*guiding policy*' dalam memandu negeri membangunkan agenda bandar pintar mengikut keutamaan negeri dan menetapkan sasaran pencapaian bandar-bandar utama dalam tempoh perancangan.



Pelan Tindakan Bandar Pintar

Pelan Tindakan '*city-wide*' ini bertujuan memandu pelaksanaan bandar pintar, dipimpin oleh PBT sebagai pengurus bandar. Ia merangkumi pendekatan holistik untuk merancang dan melaksanakan inisiatif teknologi pintar, dengan fokus meningkatkan kualiti hidup masyarakat.

Kawalan Pembangunan

Cadangan Pemajuan boleh dijadikan alat untuk mempertimbangkan inisiatif bandar pintar sebagai syarat dan pematuhan terhadap keperluan pemajuan, memastikan pembangunan yang seiring dengan prinsip bandar pintar.

1.3 Agenda Global, Negara, Negeri dan Tempatan

Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) 2030 merupakan kerangka pembangunan global yang digariskan oleh negara-negara di seluruh dunia bagi memastikan pembangunan yang dilaksanakan dapat memenuhi keperluan semasa tanpa menjejaskan kebolehan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka. Dalam usaha mencapai matlamat ini, pendekatan bandar pintar yang digariskan dalam *Blueprint* Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040 telah mengambil kira agenda global, negara, negeri dan tempatan untuk memastikan pencapaian objektif pembangunan mampan yang holistik dan berkesinambungan.

AGENDA GLOBAL

Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)



SDGs menjadi panduan utama ke arah pembangunan yang mampan, inklusif, dan berdaya tahan. Kajian mendapati 84% aplikasi Internet of Things (IoT) berpotensi menyokong pelaksanaan SDGs, manakala 70% daripada 169 sasaran SDGs boleh direalisasikan melalui penggunaan teknologi Revolusi Industri Keempat (4IR).

Sumber: http://www.weforum.org/press/2020/01/fourth


Agenda Perbandaran Baharu (NUA)



NUA merupakan dokumen global yang menetapkan garis panduan bagi pembangunan bandar yang inklusif, lestari, dan sejahtera. Dokumen ini bertujuan memastikan bandar menjadi persekitaran yang kondusif untuk generasi masa kini dan akan datang.

Sumber: New Urban Agenda, 2016

ASEAN Smart Cities Network (ASCN)



ASCN Panduan untuk memudahkan pembangunan bandar pintar di setiap bandar. Rangka kerja ini bertujuan melengkapkan rancangan pembangunan negara sedia ada dan menbentuk rancangan baru bagi penyelaran bandar pintar dengan objektif serantau dan global.

Sumber: ASEAN Smart Cities Network (ASCN), 2018

AGENDA NEGARA

Rancangan Malaysia Ke-12 (2021-2025)



Bab 6 bidang keutamaan 13: Strategi B1
Menggalakkan pendekatan bandar mampan dan pintar serta standard indikator bandar pintar
Tema 3: Melonjakkan Kemampuan
Perkongsian tanggungjawab bersama bagi mencapai matlmat negara rendah karbon

Sumber: Rancangan Malaysia ke-12, 2021


Rancangan Fizikal Negara Ke-4 (RFN 4)



Memperkukuhkan teras pembangunan melalui ekosistem spatial komprehensif, dengan fokus pada keselamatan negara, pembangunan bandar pintar, dan neutral karbon.
T1 – PD4: Peningkatan infrastruktur digital dan pintar
T2 – KD3: Pembangunan Ke arah Negara Neutral Karbon

Sumber: Rancangan Fizikal Negara ke-4, 2020

Dasar Perbandaran Negara ke-2 (DPN 2)



Prinsip 5: Pembangunan Hijau dan persekitaran bersih
- Penggunaan teknologi hijau dalam pengurusan
- Pengurusan alam sekitar dan sisa pepejal yang mampan
- Penyedian persekitaran kejiranan yang selamat, bersih dengan gaya hidup rendah karbon.

Sumber: ASEAN Smart Cities Network (ASCN), 2018

Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia



"**Bandar pintar** merujuk kepada bandar yang mengintegrasikan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta pemajuan teknologi dan inovasi dalam menangani isu-isu perbandaran. Pendekatan ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk serta menggalakkan pengurusan bandar yang lebih cekap dan lestari."

Sumber: Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia, 2019

Standard Indikator Bandar Pintar



(MS ISO37122: 2019)

ISO ini berfungsi sebagai penanda aras dalam merancang dan menilai tahap pelaksanaan bandar pintar di Malaysia, dengan tujuan memastikan keselarasan dengan piawaian global. Ia juga dijadikan panduan utama, terutamanya bagi PBT, dalam merancang dan melaksanakan inisiatif bandar pintar secara sistematik.

Sumber: Standard Indikator Bandar Pintar, 2019

Lain-lain Dasar



AGENDA NEGERI

Rancangan Struktur Negeri Kelantan 2040



Dasar berkaitan:
SD 1.1: Meningkatkan Potensi Wilayah Kelantan Utara sebagai wilayah pertumbuhan yang bercirikan bandar pintar
KP 2.1.4: Menggiatkan pembangunan yang menerapkan komponen seperti IoT dan lain-lain

Sumber: Rancangan Malaysia ke-12, 2021


Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Kelantan 2030



PTEDNK 2030 memberi penekanan kepada komponen utama ekonomi digital bagi merangkumi kerajaan digital, bakat digital, masyarakat digital, infrastruktur digital dan persekitaran digital yang memberi manfaat kepada rakyat kelantan.

Sumber:
Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Kelantan 2030

Lain-lain Dasar



AGENDA TEMPATAN

Rancangan Tempatan Negeri Kelantan

1. RT MP **Kota Bharu** Bandar Raya Islam 2035 (Penggantian)
2. RT MD **Ketereh** Perbandaran Islam 2035 (Penggantian)
3. RT Jajahan **Tumpat** 2035 (Penggantian)
4. RT Jajahan **Pasir Puteh** 2035 (Penggantian)
5. RT Jajahan **Kuala Krai** 2035 (Penggantian)
6. RT Jajahan **Gua Musang** 2020*
7. RT Jajahan **Tanah Merah** 2020*
8. RT Jajahan **Machang** 2020*
9. RT Jajahan **Bachok** 2020*
10. RT Jajahan **Pasir Mas** 2020*
11. RT Jajahan **Jeli** 2020*

Nota: * Pelanjutan tempoh dokumen rancangan tempatan sehingga tahun 2030

Lain-lain Dokumen

1. Pelan Tindakan
2. Garis Panduan Perancangan/Piawaian
3. Dasar PBT

ASPIRASI KELANTAN PINTAR 2040

“Dalam konteks global, bandar pintar merupakan satu pendekatan strategik bagi menangani cabaran perbandaran serta meningkatkan kualiti hidup rakyat. Sejajar dengan itu, pembangunan bandar pintar dilaksanakan secara cekap, inovatif dan berasaskan teknologi terkini dalam usaha mencapai kelestarian persekitaran dan kesejahteraan masyarakat.”

Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) Kelantan Ke-90 (Bil. 2/2024) I 22 Julai 2024
Dipengerusikan oleh:
YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuruddin bin Haji Daud
Menteri Besar Kelantan

1.4 *Blueprint* sebagai Hala Tuju Strategik

Blueprint Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040 disediakan untuk merangka hala tuju pembangunan negeri yang mampan dan inklusif selaras dengan aspirasi untuk memanfaatkan teknologi pintar serta memperkukuhkan prinsip-prinsip Islam dalam pengurusan bandar.



Menyediakan **panduan dan hala tuju bagi perancangan serta pembangunan** bandar pintar di Negeri Kelantan sehingga tahun 2040.



Mempersiapkan bandar-bandar di Negeri Kelantan dengan elemen pintar agar **setanding dengan bandar pintar di peringkat global, selari dengan penerapan nilai-nilai Islam** sebagai teras pembangunan.



Mewujudkan **platform kolaborasi** antara kerajaan negeri, agensi pelaksana, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan penyedia penyelesaian pintar dalam usaha menangani cabaran perbandaran secara holistik dan bersepadu.

1.5 Transformasi Negeri Kelantan Ke Arah Negeri Pintar

1 Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12)

Dokumen Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) menetapkan dasar untuk pembangunan bandar pintar dengan matlamat untuk mencapai negara yang inklusif, mampan dan berteknologi tinggi.

- **Bab 3:** Memperkukuh ekonomi digital
- **Bab 4:** Menangani cabaran urbanisasi
- **Bab 6:** Mempertingkatkan Infrastruktur mobiliti
- **Bab 7:** Meningkatkan kualiti hidup rakyat
- **Bab 10:** Memacu matlamat Pembangunan lestari

2 Rancangan Fizikal Negara Ke-4 (RFN 4)

Memastikan pembangunan infrastruktur yang **selari dengan aspirasi '*Smart Nation*'** melalui pelaksanaan perancangan bandar pintar yang menyeluruh dan berimpak tinggi.

3 Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia 2025 (RKBPM 2025)

Berfungsi sebagai **panduan utama dalam melaksanakan agenda bandar pintar negara**. Ia bertujuan untuk mewujudkan bandar-bandar di Malaysia yang setara dengan bandar pintar global.

4 Rancangan Struktur Negeri Kelantan 2040 (RSN 2040)

Menggalakkan **Pembangunan berkonsepkan *smart city*** di dalam perancangan dan pembangunan Negeri Kelantan

- Menerapkan komponen *Internet of things* (IoT)
- Mempelbagaikan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi

5 Mesyuarat JPN Kelantan Ke-90 (BIL. 2/2024)

Pada 22 Julai 2024, **Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) Kelantan Ke-90 (BIL. 2/2024)** yang dipengerusikan oleh Menteri Besar Kelantan menyarankan agar usaha dilaksanakan untuk menyediakan *Blueprint* Bandar Pintar Negeri Kelantan.

6 *Blueprint* Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040

Satu dokumen ***Blueprint* Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040** yang mengandungi Dasar, Strategi, Inisiatif dan Tindakan sebagai rujukan dan panduan Kerajaan Negeri, PBT, agensi-agensi negeri dan pihak-pihak berkepentingan dalam perancangan dan pembangunan bandar pintar untuk tempoh sehingga 2040.

Tok Bali Supply Base

© Invest Kelantan

1.6 KRONOLOGI PENYEDIAAN *BLUEPRINT* BANDAR PINTAR NEGERI KELANTAN 2040

Peringkat Mobilisasi



Mula

19 Mac 2024

Mesyuarat Penyelarasan Penyediaan *Blueprint* dan Pelan Tindakan Bandar Pintar

28 April 2024

Sesi '*Knowledge Sharing*' konsep perancangan dan pintar menurut perspektif pembangunan bandar Islam

Mei 2024

Penyediaan Laporan Terma Rujukan (TOR)

25 Jun 2024

Sesi '*Knowledge Sharing*' bersama PLANMalaysia Terengganu (PMT)

16 Jul - 16 Sept 2024

Program Soal Selidk Orang Awam, Agensi dan Pemain Industri
(Tempoh : Dua (2) bulan)

Akhir

Peringkat Draf Akhir

29 Okt 2025

Pelancaran *Blueprint* Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040

9 Sept 2025

Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) Kelantan Ke-94 (Bil. 2/2025)

penerimaan dokumen blueprint sebagai rujukan rasmi

13 Jul 2025

Pembentangan Draf Akhir Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu

25 Jun 2025

Pembentangan Draf Awal Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal

4 Jun 2025

Pemurnian Draf Awal *'in-house'*



Peringkat Draf Awal

22 Jul 2024

Pembentangan Terma Rujukan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) Kelantan Ke-90 (Bil. 2/2024)

14 Ogos - 4 Sept 2024

Program Jelajah Jajahan Negeri Kelantan bersama Komuniti

Okt – Nov 2024

Penyediaan analisis berdasarkan dapatan soal selidik serta penjajaran dokumen-dokumen dasar peringkat Negeri Kelantan yang berkaitan

31 Dis 2024

Pemurnian Laporan bersama PMT (Sesi 1)

6 Mei 2025

Perbincangan Smart Medan Ilmu

9 April 2025

Pemurnian Laporan bersama PMT (Sesi 2)

3 & 4 Feb 2025

Sesi Libat Urus bersama Agensi dan Pemain Industri

28 Jan 2025

Mesyuarat Penyelarasan Urus Setia BPNK 2040 bersama UPEN & PLANMalaysia

6 & 7 Jan 2025

Sesi penjajaran akhir dan penyusunan semula dokumen-dokumen dasar Negeri Kelantan

1.7 Rangka Tindakan *Blueprint* Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040

Penyediaan *Blueprint* Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040 dirangka secara strategik dan inklusif untuk memenuhi keperluan semasa dan masa depan negeri dengan melaksanakan pendekatan holistik berikut:

1 Cabaran Urbanisasi dan Pembangunan



Mengenal pasti cabaran urbanisasi dan ketidakseimbangan pembangunan bagi memanfaatkan potensi sumber yang sedia ada.

2 Penilaian Inisiatif Bandar Pintar



Kenal pasti inisiatif bandar pintar yang telah dilaksanakan melalui pelan strategik sedia ada bagi menilai tahap keberkesanan dan memperkukuh usaha pembangunan pada masa hadapan.



3 Kerjasama Strategik

Melibatkan pelbagai pihak berkepentingan termasuk **Kerajaan Negeri, PBT, sektor swasta, institusi akademik, masyarakat dan pemain industri** melalui sesi dialog atau libat urus.

4 Pendekatan Islam dalam Teknologi Pintar

Pendekatan berteraskan nilai Islam dan kesediaan teknologi pintar menggabungkan prinsip-prinsip Islam dengan kemajuan teknologi dapat memberikan impak positif dalam pengurusan bandar pintar.

5 Ketersediaan Infrastruktur Digital



Tahap kesiapsiagaan **infrastruktur digital, termasuk penggunaan internet berkelajuan tinggi dan ketersediaan platform telekomunikasi pintar.**

6 Penetapan Aspirasi

Bagi mencapai matlamat bandar pintar melalui **visi dan objektif yang jelas.**

7 Penyelarasan Perancangan Bandar Pintar



Kesinambungan dan pelaksanaan perancangan bandar pintar diselaraskan dengan dasar utama di peringkat global, nasional dan tempatan.

1.8 Fokus *Blueprint* Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040

Pembangunan bandar pintar yang menyeluruh bagi Negeri Kelantan akan memfokuskan kepada empat (4) peringkat utama iaitu pengguna, perkhidmatan, data dan infrastruktur digital (Moscow Smart City, 2030).

Pendekatan Menyeluruh Dalam Mencapai Kelantan Pintar 2040

1 Peringkat 1: Pengguna

Asas kepada ***"people-centric smart city"*** adalah penekanan terhadap kesejahteraan, keperluan dan kepentingan penduduk dengan fokus utama pada peningkatan kualiti hidup sebagai pengguna utama persekitaran bandar.

2 Peringkat 2: Perkhidmatan

Perkhidmatan berteraskan digitalisasi merangkumi aspek ekonomi digital yang **memfokuskan kepada inovasi dan pertumbuhan ekonomi serta penyampaian perkhidmatan** yang lebih efisien dan mudah diakses oleh rakyat kelantan.

3 Peringkat 3: Data

Platform data dikongsi, diproses, dan dianalisis melalui sistem analitik untuk menyediakan **data masa nyata (*real time data*)** yang menyokong keperluan rakyat.

4 Peringkat 4: Infrastruktur Digital

Rangkaian dan sistem diperlukan untuk **menyokong, mengintegrasikan dan menghubungkan** pelbagai perkhidmatan digital serta telekomunikasi.



Padang Merdeka, Kota Bharu

© Expedia.com

بندر ڤينتر نكري كلنتن ٢٠٤٠

Dataran Rehal, Kota Bharu

“Kelantan komited ke arah pembangunan maju dan lestari melalui pelaksanaan bandar pintar yang menyokong kecekapan, kemampanan dan kesejahteraan rakyat.”

© Expedia.com

1.9 Komponen Utama Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040

Penekanan kepada tujuh (7) komponen utama dalam pembangunan Kelantan Pintar 2040.

Smart Environment

Pengurusan sumber dan pemantauan alam sekitar pintar mewujudkan masyarakat rendah karbon dan meningkatkan kecekapan tenaga dan tenaga boleh diperbaharui.

Indikator (MS ISO 37122:2019)
1. Sumber tenaga
2. Pertanian bandar/ tempatan dan keselamatan makanan
3. Pengurusan sisa pepejal
4. Air kumbahan
5. Air

Smart People

Pengembangan bakat digital dan berkemahiran tinggi bagi menggalakkan inovasi dan memenuhi keperluan industri dan pemerkasaan komuniti pintar melalui teknologi dan penglibatan dalam membuat keputusan.

Indikator (MS ISO 37122:2019)
1. Pendidikan

Smart Mobility

Mobiliti sebagai perkhidmatan, pengurusan trafik dan pengangkutan pintar melalui penggunaan IoT dan platform analytics, mobiliti rendah karbon bagi mengurangkan pelepasan karbon dan meningkatkan kecekapan First Mile Last Mile.

Indikator (MS ISO 37122:2019)
1. Pengurusan lalu lintas

Smart Governance

Connected Government melalui transformasi digital perkhidmatan, *Data Driven Decision Making* melalui perkongsian data, data terbuka dan Platform Data Raya Negeri bagi *big data analytic* dan Platform Kerjasama Pintar *(Smart Partnership)*

Indikator (MS ISO 37122:2019)
1. Urus Tadbir
2. Perancangan bandar

7 KOMPONEN BANDAR PINTAR

Smart Living

Meningkatkan keselamatan dan kecekapan pencegahan jenayah melalui tindak balas kecemasan dan keselamatan menggunakan teknologi pintar dan reka bentuk pembangunan.

Indikator (MS ISO 37122:2019)
1. Penduduk & Sosial
2. Budaya & Tradisi
3. Sukan Rekreasi
4. Kesihatan
5. Perumahan
6. Keselamatan

Smart Digital Infrastructure

Meningkatkan kesalinghubungan (Tahap liputan, kapasiti dan kualiti) dan Pelaksanaan Generasi Baru Teknologi Jalur Lebar *(Next Generation Communication Technology)*

Indikator (MS ISO 37122:2019)
1. Telekomunikasi

Smart Economy

Inovasi dan digitalisasi (contoh *co-working, business hubs*, e-dagang bagi memudahcara perniagaan, menggalakkan syarikat pemula)

Indikator (MS ISO 37122:2019)
1. Ekonomi
2. Kewangan

Profil Negeri Kelantan



15,033 km2
Keluasan Negeri



10 Jajahan
1 Jajahan Kecil
12 PBT




50,853.72 ha
Tepu Bina



124 per km2
Kepadatan Penduduk

Sumber: Rancangan Struktur Negeri Kelantan 2040

Demografi Penduduk Negeri Kelantan



50.2%
49.8%
1.89 Juta
Jumlah Penduduk

Berdasarkan statistik populasi dan demografi negeri, *Blueprint* Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040 **memberi keutamaan kepada rakyat sebagai pengguna utama elemen bandar pintar,** berkonsepkan *people-centric smart city*.



69.9 **76.5**
Jangkaan Hayat

Struktur umur dan jangka hayat penduduk mencerminkan komposisi demografi yang akan **mempengaruhi keperluan pelaksanaan bandar pintar yang inklusif dan responsif terhadap pelbagai lapisan masyarakat.**




2.7
Kadar Kesuburan

Bagi setiap perempuan berumur 15 hingga 49 tahun. Nisbah kelahiran lelaki ke perempuan berada sekitar 106 : 100.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024

Statistik Tenaga Buruh



57.3%
Kadar Penyertaan Tenaga Buruh

Statistik tenaga buruh menyediakan asas kukuh untuk merangka strategi bandar pintar yang mampu **meningkatkan kualiti hidup secara inklusif dan responsif terhadap keperluan rakyat**.




661.1 ribu
Penduduk Bekerja



3.5%
Kadar Pengangguran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021

1.10 Profil dan Informasi Negeri Kelantan



Kota Bharu

Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam
Luas : 19,543 ha

Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam
Luas : 15,590 ha

Keseluruhan
Penduduk: 575,400

Bachok

Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam
Luas : 27,540.51 ha
Penduduk: 162,900

Pasir Puteh

Majlis Daerah Pasir Puteh
Luas : 42,513.13 ha
Penduduk: 143,000

Pasir Mas

Majlis Daerah Pasir Mas
Luas : 57,520.51 ha
Penduduk: 237,200

Tumpat

Majlis Daerah Tumpat
Luas : 18,111.15 ha
Penduduk: 186,300

Machang

Majlis Daerah Machang
Luas : 52,955.38 ha
Penduduk: 115,200

Tanah Merah

Majlis Daerah Tanah Merah
Luas : 87,153 ha
Penduduk: 155,800

Kuala Krai

Majlis Daerah Kuala Krai Majlis Daerah Dabong
Luas : 226,145 ha
Penduduk: 109,100

Jeli

Majlis Daerah Jeli
Luas : 133,331.69 ha
Penduduk: 56,800

Gua Musang

Majlis Daerah Gua Musang
Luas : 635,901.36 ha
Penduduk: 107,100

Kecil Lojing

Majlis Daerah Gua Musang
Luas : 181,700 ha

Sumber: My Local Stats 2018, Unjuran Penduduk Malaysia 2010-2040, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2018

1.11 Prospek Pembangunan Negeri Kelantan

Prospek Ekonomi Negeri Kelantan

Kelantan bukan sahaja kaya dengan warisan budaya, malah terus memberi tumpuan kepada pembangunan ekonomi yang mampan dan inklusif menerusi pelaksanaan belanjawan strategik. Dalam Belanjawan Negeri Kelantan 2023 yang bertemakan "Kelantan Maju, Rakyat Sejahtera", kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM1.62 bilion bagi melaksanakan pelbagai inisiatif pembangunan untuk merancakkan pertumbuhan ekonomi negeri. Pada tahun 2023, ekonomi Kelantan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 2.6%, sedikit menurun berbanding 4.5% pada tahun 2022. Nilai ditambah ekonomi negeri meningkat kepada RM27.6 bilion (2022: RM26.9 bilion). Dari segi komposisi, sektor Perkhidmatan terus menjadi penyumbang utama kepada ekonomi negeri dengan sumbangan sebanyak 71.6%, diikuti oleh sektor Pertanian (20.3%), Pembuatan (4.6%), Pembinaan (1.9%), serta Perlombongan dan Pengkuarian (1.5%).

KDNK 2022

4.5%

RM 26.9b

KDNK 2023

Meningkat

2.6%


RM 27.6b

Nilai Ditambah dan Peratus Sumbangan Mengikut Sektor Kelantan 2023

Sektor Perlombongan dan Pengkuarian	Sektor Pertanian	Sektor Perkhidmatan	Sektor Pembinaan	Sektor Pembuatan
1.5 %	20.3 %	71.6 %	1.9 %	4.6 %
RM 425 Juta	RM 5.6 billion	RM 19.8 billion	RM 512 juta	RM 1.3 billion

Sumber: Laporan Sosioekonomi Negeri Kelantan, 2023


Kadar Pertumbuhan Mengikut Sektor, Kelantan, 2022 - 2023



Sumber: Laporan Sosioekonomi Negeri Kelantan, 2023

Projek Berimpak Tinggi Negeri Kelantan

Kerajaan Negeri Kelantan komited melaksanakan perancangan selaras dengan dasar pembangunan negeri, fokus kepada projek berimpak tinggi yang **memacu transformasi pembangunan bandar pintar.**



1. Menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP)
2. Pembangunan Terminal Laut Bersepadu di Bandar Maritim Tok Bali
3. Projek Pembangunan Bandar Sempadan Pantai Geting
4. Lebuhraya Pantai Timur 3 (LPT 3)
5. Lebuhraya Utama Tengah (*Central Spine Road*)
6. Projek Hubungan Rel Pantai Timur (ECRL)
7. Pembinaan Empangan Hidroelektrik Nenggiri dan Empangan Hidroelektrik Lebir
8. Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sg. Golok
9. Pembangunan Sektor Agromakanan Agensi Peneraju
10. Pembangunan Madinah Al Salam
11. Pembangunan Bangunan Gunasama Persekutuan
12. Pembangunan Markas Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga
13. Pembangunan Madinatul Al-Riadah
14. Pembangunan Perindustrian Madinatul Al-Athasi
15. Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Kelantan
16. Projek Pemasangan Sistem Solar Terapung
17. Stesen ECRL Pasir Puteh
18. Pembangunan Kluster Industri
19. Projek Pembinaan Jambatan Palekbang dan Jalan Penghubung Antara Jajahan
20. Pembangunan "Taman Perindustrian IBS "Persatuan Kontrak Perumahan Negeri Kelantan (PKPK)"
21. Membina Stesen ECRL Bertingkat Kota Bharu
22. Membina Kompleks Sukan Bandar Belia
23. Pembangunan Taman Industri Tok Bali
24. Pembangunan Bercampur Industri Ringan dan Sederhana (IKS) dan Komersil
25. Membina dan Menyiapkan Pembangunan Sebuah Bangunan Hospital 7 Tingkat
26. Tok Balli Intergrated Fisheries Park (TBIFP)
27. Pembangunan Taman Bandar Kg. Baru Nelayan

Prospek Pelancongan Negeri Kelantan

Prospek pembangunan Negeri Kelantan dapat dilihat melalui potensi pelancongan yang kaya dengan budaya, tradisi dan keindahan alam semula jadi. Negeri Kelantan berpotensi dalam pelancongan bandar, kebudayaan, warisan, sejarah, kesenian, eko-pelancongan, agropelancongan dan pelancongan persisir pantai. Sektor pelancongan ini berpotensi tinggi untuk meningkatkan daya saing Negeri Kelantan, bukan hanya sebagai destinasi pelancongan, tetapi juga menyokong transformasi ke arah bandar pintar.

Statistik Pelancongan Domestik

7.55 Juta

Bilangan Pelawat Domestik

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023



Kota Bharu
1. Pasar Siti Khadijah
2. Taman Telok Puteri
3. Bandar D'Raja Al-Muhammadi
4. Padang Merdeka

Tumpat
5. Pengkalan Kubor
6. Istana Bukit Tanah
7. Pantai Geting
8. Masjid Kampung Laut

Pasir Mas
9. ZBC Rantau Panjang
10. Pasar Tasik Raja
11. Masjid Beijing
12. Taman Tengku Anis

Tanah Merah
13. Pasar Besar Tanah Merah
14. Lata Biji
15. Lata Hujan
16. Jambatan Guillemard

Jeli
17. Lata Janggut
18. Lata Kashmir
19. Bukit Salor
20. Gunung Reng

Gua Musang
21. R&R Eco Lojing
22. Taman Etnobotani
23. Gua Chiku
24. Masjid Razaleigh

Kuala Krai
25. Pasar Besar
26. Taman Masjid Bandar
27. Mini Zoo
28. Dataran Dato' Bentara Kanan

Machang
29. Pasar Machang
30. Air Panas Tok Bok
31. Jeram Linang
32. Dataran Kemahkotaan

Pasir Puteh
33. Bandar Tok Janggut
34. Dataran Bahtera Tok Bali
35. Air Terjun Jeram Pasu
36. Jeram Mengaji

Bachok
37. Pantai Irama
38. Pantai Kemayang
39. Pantai Senok
40. Pantai Melawi

بندر قينتر نكري كلنتن ٢٠٤٠

JELAJAH KEUNIKAN

Kelantan

© Expedia.com


1.12 Tren Tepu Bina Perbandaran dan Kadar Urbanisasi Negeri Kelantan

Tren pembangunan perbandaran di Negeri Kelantan menunjukkan peningkatan yang begitu pesat iaitu daripada 8,906 hektar atau 0.6% (2001) meningkat kepada 82,404.15 hektar atau 6.6% (2018) dengan peningkatan sebanyak 73,498.15 hektar. Berdasarkan unjuran 2040, tepu bina ini dijangka bertambah sebanyak 11,601.51 hektar dan dijangka meningkatkan kadar urbanisasi perbandaran iaitu perubahan sesuatu kawasan daripada luar bandar kepada bandar serta penduduk yang tinggal di dalam sesuatu kawasan perbandaran atau kawasan yang telah ditetapkan sebagai kawasan bandar. Kadar urbanisasi di Negeri Kelantan adalah 52.4%.

Jadual 1.1: Tren Pembangunan Perbandaran di Negeri Kelantan

Tahun	Keluasan Tepu Bina (Hektar)	Perubahan (+/-) Ha	Pertambahan Purata Setahun (Ha)	Penduduk (orang)
2001	8,906			
2008	39,200	30,294	4,328.71	1,539,601
2018	82,404.15	43,204.15	4320.42	1,860,500
2040 (unjuran)	94,005.66	11,601.51	527.34	2,490,000

Sumber: Physical Planning, Urban Hierarchy Technical Report, 2001, Data GIS/JPBDSM 2009, LTRSNK 2025, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021

Senario Tren Perubahan Tahun 2020-2040 Negeri Kelantan menunjukkan bahawa jumlah penduduk Negeri Kelantan dijangka meningkat daripada 1.95 juta pada tahun 2020 kepada 2.73 juta menjelang 2040, menunjukkan pertumbuhan penduduk yang positif untuk rakyat Kelantan. Kadar perbandaran pula dijangka meningkat daripada 52.4% pada tahun 2021, dengan unjuran tidak melebihi 85% pada tahun 2040. Sementara itu, guna tanah hutan dijangka kekal pada 41.9%, menunjukkan komitmen berterusan Negeri Kelantan dalam memastikan kelestarian alam sekitar tetap terpelihara meskipun menghadapi tekanan pembangunan yang pesat.

Senario Tren Perubahan Tahun 2020-2040







Penduduk Negeri Kelantan

Tahun	Tahun
2020	2040
1.95 Juta	2.73 Juta

Sumber : DOSM, RFN4, RSNK2040

Kadar Perbandaran

Tahun	Tahun
2021	2040
52.4%	Tidak Melebihi 85%

Sumber : RFN4, RSNK2040

Guna Tanah Hutan

Tahun	Tahun
2020	2040
41.9%	Kekal 41.9%

Sumber : RSNK2040

Halaman ini sengaja dibiarkan kosong

BAB 2



CABARAN MASA DEPAN

TRANSFORMASI KELANTAN MENUJU BANDAR PINTAR

ترنسفورماسي كلنتن منوجو بندر ڤينتر

2.1

TAHAP KETERSEDIAAN KELANTAN KE ARAH

BANDAR PINTAR

Tahap ketersediaan Bandar Pintar Negeri Kelantan dinilai berdasarkan tahap pembangunan, penggunaan teknologi dan ketersediaan infrastruktur. Penilaian ini mengambil kira tiga (3) aspek utama:

١ **Ketersediaan Penduduk Negeri Kelantan**

٢ **Ketersediaan Agensi Kerajaan**

٣ **Ketersediaan Infrastruktur Digital**

Ketersediaan ketiga-tiga aspek ini memainkan peranan penting sebagai tulang belakang pembangunan bandar pintar. Tanpa elemen-elemen ini, fungsi bandar pintar tidak dapat dimaksimumkan. Ia memastikan integrasi sistem bandar yang efektif, memperkukuhkan komunikasi antara komponen bandar serta menjamin kelancaran pelaksanaan inisiatif bandar pintar. Dengan langkah yang tepat dan strategik, Negeri Kelantan dapat menilai tahap kesiapsiagaan sebagai bandar pintar dan berpotensi mencapai status tersebut menjelang tahun 2040.


2.1.1 Tahap Ketersediaan Penduduk Negeri Kelantan

Dalam konteks bandar pintar, tahap ketersediaan penduduk dinilai bagi menentukan sejauh mana mereka bersedia, berkeupayaan dan berkeinginan untuk menerima serta mengadaptasi teknologi pintar dalam kehidupan seharian.

Kaji selidik awam

Satu kaji selidik awam telah dilaksanakan bagi mendapatkan pandangan dan perspektif masyarakat Negeri Kelantan terhadap konsep bandar pintar. Kajian ini memberi tumpuan kepada dua peluang utama iaitu **tahap ketersediaan penduduk** dan **ketahanan komuniti dalam menghadapi perubahan ke arah persekitaran bandar yang lebih pintar dan mampan**.

Ketersediaan Penduduk




Ketahanan Penduduk



Bilangan Responden

3379 orang



Kaji selidik melibatkan 3,379 responden yang dipilih secara rawak berdasarkan populasi Negeri Kelantan (1.89 juta, tahun 2024), menggunakan perisian Raosoft bagi menentukan saiz sampel yang sesuai.

Sebanyak **98.3% rakyat Negeri Kelantan** menunjukkan kesediaan untuk menuju kehidupan yang lebih maju, terutamanya dalam aspek penggunaan teknologi, capaian internet dan gaya hidup digital. Kesediaan rakyat ini sangat penting dalam menjayakan bandar pintar agar semua lapisan masyarakat dapat menikmati manfaat yang sama daripada pembangunan tersebut. Penilaian ini juga membantu mempersiapkan rakyat ke arah kehidupan masa depan yang berteknologi tinggi dan berdaya saing, selaras dengan aspirasi ke arah Masyarakat 5.0.

2.1.2 Pemahaman Penduduk Kelantan terhadap Konsep Bandar Pintar

Pemahaman tentang bandar pintar sangat penting agar penduduk dapat bersama menjayakan perubahan ke arah kehidupan digital dan pembangunan bandar yang lebih maju. Berdasarkan kaji selidik, **sebanyak 73.5% penduduk Kelantan** sudah mempunyai pengetahuan dan fahaman tentang konsep ini, hasil daripada pengalaman mereka sendiri dalam mengurus keperluan, masalah dan urusan kehidupan seharian.

SEJAUH MANA PEMAHAMAN RAKYAT KELANTAN TERHADAP KONSEP BANDAR PINTAR?

1	Penggunaan teknologi dalam menguruskan isu perbandaran	97%
2	Penggunaan perkhidmatan secara menyeluruh dalam semua alternatif perbandaran	83%
3	Era teknologi yang boleh mengatasi isu dan cabaran perbandaran	82%
4	Perkongsian data yang Cekap	75%
5	Bandar selamat, mampan dan sejahtera	62%
6	Bandar yang boleh menyelesaikan tugas harian dengan lebih cepat dan mudah	53%
7	Melahirkan rakyat yang berbakat dan mahir	52%

Sumber: Soal Selidik Pandangan Orang Awam Terhadap Kajian Blueprint Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040

2.1.3 Pemahaman Penduduk Terhadap Cabaran dan Perkhidmatan Perbandaran

Perkhidmatan perbandaran merupakan elemen penting dalam memastikan kesejahteraan masyarakat dan kelestarian persekitaran bandar. Berdasarkan kaji selidik yang telah dijalankan, didapati terdapat beberapa aspek yang memerlukan perhatian khusus oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi memastikan perkhidmatan yang disediakan memenuhi keperluan serta jangkaan rakyat. Hasil kaji selidik menunjukkan bahawa tahap kepuasan rakyat terhadap perkhidmatan perbandaran berada pada kadar **44.7% dalam kategori memuaskan** hingga sederhana memuaskan, manakala **55.3% responden menyatakan tidak memuaskan** terhadap perkhidmatan yang diterima.

Jadual 2.1: Tahap Kepuasan Perkhidmatan Perbandaran PBT berdasarkan Skop Kajian

PBT	Akses kepada Kemudahan Awam	Kerajaan Digital	Keselamatan	Pengangkutan & Lalulintas	Rumah Mampu Milik	Peluang Pekerjaan	Pengurusan Sampah	Pengurusan Bencana	Pengurusan Alam Sekitar	Pengurusan Tenaga	Pengurusan Air	Kesihatan	Kesaling-hubungan Internet	Persekitaran Hijau
MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU BANDAR RAYA ISLAM														
MPKB-BRI	40% 60%	40% 60%	62% 38%	45% 55%	36% 64%	36% 64%	25% 75%	40% 60%	23% 77%	69% 31%	49% 51%	78% 22%	54% 46%	53% 47%
MAJLIS DAERAH KETEREH PERBANDARAN ISLAM														
MDK-PI	36% 64%	36% 64%	59% 41%	43% 57%	30% 70%	32% 68%	28% 72%	39% 61%	18% 82%	62% 38%	25% 75%	76% 24%	54% 46%	49% 51%
MAJLIS DAERAH GUA MUSANG														
MDGM	32% 68%	32% 68%	66% 34%	41% 59%	42% 58%	36% 64%	21% 79%	33% 67%	34% 76%	66% 34%	28% 72%	81% 19%	62% 38%	46% 54%
MAJLIS DAERAH TUMPAT														
MDT	40% 60%	40% 60%	61% 39%	49% 51%	40% 60%	42% 58%	26% 74%	37% 63%	21% 79%	68% 32%	28% 72%	79% 21%	59% 41%	44% 56%
MAJLIS DAERAH TANAH MERAH														
MDTM	40% 60%	40% 60%	59% 41%	41% 59%	38% 62%	28% 72%	23% 77%	34% 66%	20% 80%	64% 36%	22% 78%	78% 22%	52% 48%	46% 54%
MAJLIS DAERAH PASIR PUTEH														
MDPP	40% 60%	40% 60%	61% 39%	49% 51%	35% 65%	38% 62%	26% 74%	36% 64%	21% 79%	70% 30%	24% 76%	79% 21%	53% 47%	45% 55%
MAJLIS DAERAH MACHANG														
MDM	39% 61%	39% 61%	71% 29%	49% 51%	41% 59%	41% 59%	27% 73%	39% 61%	22% 78%	71% 29%	30% 70%	86% 14%	65% 35%	45% 55%
MAJLIS DAERAH BACHOK BANDAR PELANCONGAN ISLAM														
MDB-BPI	39% 61%	39% 61%	58% 42%	45% 55%	33% 67%	38% 62%	26% 74%	45% 55%	22% 78%	67% 33%	27% 73%	81% 19%	55% 45%	44% 56%
MAJLIS DAERAH PASIR MAS														
MDPM	37% 63%	37% 63%	58% 42%	42% 58%	40% 60%	33% 67%	26% 74%	34% 66%	34% 76%	69% 31%	27% 73%	80% 20%	50% 50%	53% 47%
MAJLIS DAERAH KUALA KRAI														
MDKK	36% 64%	36% 64%	64% 36%	49% 51%	39% 61%	42% 58%	28% 72%	38% 62%	21% 79%	68% 32%	27% 73%	79% 21%	58% 42%	55% 45%
MAJLIS DAERAH JELI														
MDJ	39% 61%	39% 61%	62% 38%	59% 41%	35% 65%	32% 68%	28% 72%	34% 66%	23% 77%	69% 31%	24% 76%	78% 22%	49% 51%	52% 48%
MAJLIS DAERAH DABONG														
MDD	34% 66%	34% 66%	62% 38%	48% 52%	35% 64%	32% 68%	30% 70%	33% 67%	25% 75%	70% 30%	31% 69%	77% 23%	55% 45%	52% 48%


Memuaskan Tidak Memuaskan

Sumber: Soal Selidik Pandangan Orang Awam Terhadap Kajian Blueprint Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040

2.1.4 Keutamaan Rakyat Kelantan Terhadap Pembangunan Bandar Pintar

Bagi merealisasikan aspirasi rakyat ke arah pembangunan bandar pintar yang inklusif dan berdaya tahan, keutamaan harus diberikan kepada **kesalinghubungan internet yang menyeluruh (100%).** Keterhubungan digital yang cekap akan membolehkan penduduk, sektor perniagaan dan pihak kerajaan di Negeri Kelantan berinteraksi secara dalam talian dengan lebih cekap, sekali gus **meningkatkan kecekapan perkhidmatan serta kesejahteraan masyarakat.**


Rajah 2.1: Ranking Keutamaan Pembangunan Bandar Pintar




Sumber: Soal Selidik Pandangan Orang Awam Terhadap Kajian Blueprint Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040

2.1.5 Penggunaan Teknologi dan Aplikasi Pintar Rakyat Kelantan


Kaji selidik ini dilaksanakan bagi menilai tahap ketersediaan rakyat dalam menggunakan teknologi digital dan aplikasi pintar. Hasil kaji selidik menunjukkan bahawa **98% daripada jumlah responden memiliki sekurang-kurangnya satu telefon pintar** yang membolehkan mereka berhubung dengan teknologi.







Rajah 2.2: Peranti Pintar yang Digunakan oleh Isi Rumah di Negeri Kelantan



Rajah 2.3: Tujuan Penggunaan Peranti Pintar oleh Setiap Isi Rumah

Tahap ketersediaan rakyat Kelantan dalam penggunaan teknologi dan aplikasi pintar adalah berbeza mengikut faktor demografik dan geografi. Walaupun terdapat potensi yang tinggi dalam kalangan golongan muda dan penduduk di kawasan bandar, tahap pengenalan serta penerimaan **teknologi di kawasan luar bandar masih memerlukan penambahbaikan.** Bagi meningkatkan ketersediaan rakyat Kelantan dalam mengadaptasi teknologi dan aplikasi pintar, pendekatan menyeluruh seperti **pelaksanaan program latihan yang lebih meluas, penyediaan infrastruktur yang lebih baik serta usaha berterusan dalam meningkatkan literasi digital adalah amat penting.**

بندر ڤينتر نكري كلنتن ٢٠٤٠

Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu

“ Bandar pintar di Kelantan bermula dengan rakyat yang bersedia dan perancangan yang mampan untuk generasi akan datang ”

© Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan

2.1.6

HARAPAN RAKYAT KELANTAN

TERHADAP BANDAR PINTAR

Peningkatan Kualiti Hidup

Rakyat yang Celik AI

Kemudahan Infrastruktur dan Kemudahan Asas yang Terancang

Ekonomi Sektor Pelancongan yang Lebih Baik

Kemudahan Berkonsep Pintar yang Mampu Digunakan oleh Semua Golongan

Penyediaan Dasar yang Diguna Pakai Setiap Peringkat Pentadbiran

Meningkatkan Peluang Pekerjaan Terutama Kepada Penduduk Kelantan

Pembangunan Lestari yang Dapat Dinikmati oleh Setiap Rakyat

Membuka Peluang Pelaburan bagi Peningkatan Ekonomi

Visi Pembangunan yang Jelas

Penyertaan Pembangunan Secara Menyeluruh

Rangkaian Struktur Telekomunikasi yang Menyeluruh

Sistem Pengurusan Sampah Ditambah Baik

Gaya Hidup Rendah Karbon

Bandar Pintar yang Berkonsepkan Islam atau "Islamic Smart City"

Rangkaian Lebuh Raya dan Sistem Pengangkutan yang Efisien

Mewujudkan Sistem Kecekapan Tenaga

Tadbir Urus Kerajaan yang Menyediakan Komunikasi Secara Online

TAHAP KETERSEDIAAN AGENSI

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN
AGENSI/BADAN BERKANUN/GLC NEGERI KELANTAN
AGENSI/BADAN BERKANUN/GLC PERSEKUTUAN NEGERI
PEJABAT TANAH JAJAHAN DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN
INSTITUT PENDIDIKAN/PENGAJIAN TINGGI


2.2 Bandar Pintar dari Perspektif Agensi

Penglibatan agensi dan pihak berkepentingan merupakan elemen utama dalam pelaksanaan bandar pintar secara holistik. Kerjasama strategik ini memastikan perancangan yang lebih efektif, keputusan yang berasaskan data serta pembangunan yang inklusif dan mampan. Dalam kaji selidik ini, **sebanyak 76 agensi dan pihak berkepentingan** telah terlibat bagi menilai tahap kesiapsiagaan mereka terhadap pelaksanaan bandar pintar di Negeri Kelantan.

100%

Agensi berpandangan bahawa pelaksanaan Bandar Pintar di Negeri Kelantan sangat penting dan perlu diberi keutamaan


Tahap Kesiapsiagaan Pelaksanaan Bandar Pintar



Rajah 2.4: Ranking Tahap Kesiapsiagaan Pelaksanaan Bandar Pintar

Sebanyak **62.7% daripada 76 agensi** menyatakan bahawa pelaksanaan konsep bandar pintar di Negeri Kelantan adalah sangat penting, manakala **37.3% lagi menganggapnya sebagai penting**. Secara keseluruhan, semua agensi yang terlibat bersetuju mengenai kepentingan pengaplikasian bandar pintar dalam organisasi masing-masing.

Keutamaan Komponen dalam Pelaksanaan Bandar Pintar



Rajah 2.5: Ranking utama antara 7 komponen dalam bandar pintar

Sumber: Soal Selidik Pandangan Agensi Terhadap Kajian Blueprint Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040

Smart Digital Infrastructure merupakan komponen utama yang mendapat keutamaan dalam kalangan agensi bagi membentuk bandar pintar di Negeri Kelantan. Sementara itu, **Smart Government** turut memainkan peranan dengan **keutamaan sebanyak 26.7%,** manakala **Smart Living mencatatkan 14.7%.**




2.2.1 Ketersediaan Agensi

Sebanyak 21.6% daripada agensi yang terlibat dalam kajian ini telah mempunyai dasar, inisiatif dan pelan tindakan berkaitan bandar pintar, **manakala 36.5% lagi sedang dalam peringkat perancangan**. Data ini menunjukkan bahawa majoriti agensi di Negeri Kelantan telah bersedia untuk menerima kemajuan teknologi dan sedang giat berusaha mengadaptasi teknologi dalam urusan pentadbiran serta operasi organisasi masing-masing.


63.5%

Agensi di Negeri Kelantan telah bersedia untuk menerima kemajuan Bandar Pintar



Rajah 2.6: Ketersediaan Agensi dalam penyediaan Dasar, Inisiatif atau Pelan Tindakan Bandar Pintar


Sumber: Soal Selidik Pandangan Agensi Terhadap Kajian Blueprint Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040



2.2.2 Perkhidmatan Digital Secara End-To-End (E2E)

Perkhidmatan Digital secara E2E ialah perkhidmatan yang dilaksanakan secara dalam talian sepenuhnya dari mula hingga akhir, proses yang boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana-mana tanpa berurusan secara bersemuka. Objektif pelaksanaan pendigitalan perkhidmatan secara E2E adalah untuk meningkatkan penggunaan perkhidmatan dalam talian sehingga 80% seperti yang digariskan di peringkat nasional melalui Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025 bagi mendukung Sustainable Development Goals 2030 (SDG 2030), Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dan sasaran kedudukan ke-12 kerajaan dalam Online Service Index (OSI) pada tahun 2025.

Di peringkat Negeri Kelantan, kerajaan negeri juga mensasarkan pencapaian sebanyak 80% perkhidmatan kerajaan negeri dalam talian (digital) secara E2E pada tahun 2025 sebagaimana yang digariskan dalam Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Kelantan (PTEDNK) 2030. **Namun peratus pencapaian perkhidmatan digital secara E2E Negeri Kelantan sehingga April 2025 ialah sejumlah 50.6% iaitu sebanyak 2,059 daripada keseluruhan 4,068 perkhidmatan yang telah berjaya ditransformasikan sepenuhnya kepada perkhidmatan digital secara E2E**. Baki perkhidmatan yang perlu disemak untuk mencapai 80% E2E ialah 49.4% iaitu sebanyak 2,009 perkhidmatan lagi. Pencapaian ini menunjukkan peningkatan berbanding pelaporan sebelumnya iaitu sehingga Disember 2024 di mana perkhidmatan yang telah ditransformasikan secara E2E ialah sebanyak 50.28 %.



Rajah 2.7: Perkhidmatan Digital Secara (End-to-End, E2E) di Peringkat Kerajaan Negeri Kelantan

Sumber: Laporan Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM, SUK), 2025

Walau bagaimanapun, peningkatan ini masih tidak mencapai sasaran yang ditetapkan, antara isu dan cabaran yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

i. Akta dan polisi yang mengekang pelaksanaan perkhidmatan digital secara E2E terutamanya perkara berkaitan urusan tanah.

ii. Proses kerja sedia ada yang masih berkuatkuasa mengekang pelaksanaan perkhidmatan digital secara E2E.


iii. Terdapat jabatan/agensi negeri yang masih belum mempunyai perkhidmatan digital secara E2E.

iv. Sumber manusia yang terhad dalam membangunkan perkhidmatan digital secara E2E di peringkat negeri.

Untuk menyelesaikan isu dan cabaran yang dihadapi, semua pihak yang terlibat disaran untuk mengambil tindakan seperti berikut:

Pindaan Dasar dan Akta


Melaksanakan pindaan ke atas akta dan polisi sedia ada yang masih berkuatkuasa yang mengekang pelaksanaan perkhidmatan digital secara E2E terutamanya perkara berkaitan urusan tanah.



Pemerkasaan Agensi

Jabatan/agensi negeri yang masih belum mempunyai perkhidmatan digital secara E2E supaya dapat melipatgandakan usaha dan memberi fokus kepada penyediaan perkhidmatan digital secara E2E masing-masing bagi menyumbang kepada peningkatan peratus pencapaian perkhidmatan digital secara E2E.







Penambahbaikan Proses Kerja

Menyemak dan menambah baik/mengubah proses kerja sedia ada yang masih berkuatkuasa melalui aktiviti semakan semula (business re-enginering) bagi membolehkan perkhidmatan digital secara E2E dapat dilaksanakan.



Pengukuhan Bahagian ICT Negeri

Cadangan untuk penstrukturan semula Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan dan pengisian perjawatan sedia ada hendaklah dipercepatkan bagi menyokong pembangunan aplikasi berasaskan E2E untuk menghasilkan perkhidmatan digital secara E2E.

2.2.3 Tahap Perkembangan Perkhidmatan Digital Agensi Kerajaan Negeri

Penggunaan perkhidmatan digital oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri terus menunjukkan perkembangan positif dan penambahbaikan berterusan seperti yang dibuktikan melalui perkara-perkara berikut:

Penggunaan Aplikasi Kelantan.my: Sekitar 50,000 pengguna aktif sebulan (2023) yang menggunakan aplikasi untuk mendapatkan informasi tentang perkhidmatan kerajaan dan berita terkini.

Peningkatan Pembayaran Cukai Dalam Talian: Sekitar 70% pembayaran cukai tanah dan pintu di Negeri Kelantan kini dilakukan secara dalam talian (2023).

Peratusan Pengguna E-Perkhidmatan: Sekitar 40% - 50% penduduk Negeri Kelantan telah mula menggunakan platform e- perkhidmatan untuk pelbagai urusan seperti permohonan lesen, pendaftaran perniagaan, dan lain-lain.


Aduan Rakyat: Sebanyak 25,000 aduan diterima melalui portal aduan awam pada tahun 2023 dengan 80% aduan diselesaikan dalam masa 30 hari.

Sumber:

i. Laporan Tahunan Kerajaan Negeri Kelantan (2023)
ii. Portal Rasmi Kerajaan Negeri Kelantan (kelantan.gov.my)
iii. Laporan Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM,SUK), 2025
iv. Laporan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK)

2.2.4 Pelaksanaan Polisi Data Terbuka

Dalam usaha membentuk bandar pintar yang progresif, perkongsian data merupakan elemen penting bagi memastikan penyampaian perkhidmatan perbandaran yang pantas, cekap dan tersusun. Namun demikian, hasil kaji selidik mendapati bahawa **pelaksanaan polisi data terbuka dalam kalangan agensi masih berada pada tahap yang rendah**. Situasi ini menunjukkan keperluan untuk perhatian khusus serta penambahbaikan yang berterusan bagi menyokong aspirasi transformasi bandar pintar.



Rajah 2.8: Ketersediaan Agensi dalam Pelaksanaan Polisi Data Terbuka

Usaha ke arah pelaksanaan perkongsian data terbuka (*open data*) wajar dijadikan antara inisiatif utama dalam memacu transformasi digital secara menyeluruh. Inisiatif ini amat penting dalam membentuk ekosistem bandar pintar yang komprehensif, cekap dan berdaya saing, di samping memastikan **penyampaian perkhidmatan yang lebih responsif dan berpaksikan data.**


Sungai Pengkalan Datu, Kota Bharu

2.2.5 Pelaksanaan Integrasi Data (Data Integration) oleh Agensi

Bandar pintar berfungsi dengan menggabungkan teknologi dan sistem yang saling terhubung untuk mengumpul dan menganalisis data daripada pelbagai sumber. Ini termasuk data daripada sensor IoT (*Internet of Things*), sistem pengangkutan awam, penggunaan tenaga, perkhidmatan kesihatan, keselamatan dan lain-lain. Integrasi data ini membolehkan **pihak berkuasa tempatan membuat keputusan yang lebih tepat dan pantas** serta merancang perkhidmatan dan infrastruktur yang lebih efisien dan mampan.

Berdasarkan kaji selidik yang dijalankan, sebanyak **51 agensi (66.2%) melaksanakan integrasi dan perkongsian data antara jabatan dalaman**, manakala **12 agensi (16.2%) melaksanakan integrasi pada peringkat dalaman dan luaran**. Sebanyak **13 agensi (17.6%) pula tidak melaksanakan integrasi data**. Di samping itu, kaji selidik juga mendapati bahawa **68 agensi (89.5%) bersetuju untuk berkongsi data** sekiranya sebuah Dashboard/Command Centre/Urban Observatory dibangunkan untuk Negeri Kelantan, sementara **8 agensi (10.5%) tidak bersetuju.** Walau bagaimanapun, dalam melaksanakan integrasi data, beberapa aspek perlu diberi perhatian, antaranya:


Tahap Integrasi Data oleh Agensi



Rajah 2.9: Tahap Integrasi Data oleh Agensi

1. Mendapatkan kelulusan daripada kementerian atau agensi yang terlibat, memandangkan ia berkaitan dengan polisi masing-masing.
2. Memastikan pematuhan terhadap privasi data agar tidak melanggar Akta Rahsia Rasmi.
3. Perlu melaksanakan memorandum persefahaman (MoU) dan Non-Disclosure Agreement (NDA).
4. Menyediakan Application Programming Interface (API) untuk memudahkan capaian data kepada aplikasi lain.

Persetujuan Agensi bagi Integrasi Data



Rajah 2.10: Tahap Persetujuan Agensi bagi Integrasi Data

2.2.6 Rumusan Inisiatif Bandar Pintar yang Telah Dilaksanakan oleh Agensi

٩ 9 INISIATIF SMART ECONOMY

Online Payment, Digital Payment (e-wallet), Hub Inovasi, *Investor Relations* (IR), Platform e-dagang, *Program Latihan Teknologi / Inovasi / Kreativiti / Penciptaan Kepada IKS / PKS / PMKS, Program Kerjasama Industri*

١٥ 15 INISIATIF SMART LIVING

Reka bentuk bangunan pintar, CPTED, CCTV, Butang Panik, Perpustakaan Digital, Pemetaan Jenayah, Pemantauan Jenayah (Drone), Aplikasi Komuniti, Perkhidmatan Kesihatan Digital, Rekod Perubatan Dalam Talian

٢٠ 20 INISIATIF SMART ENVIRONMENT

Meter Elektrik Pintar, Meter Air Pintar, Waste to Energy (WTE), Pertanian Bandar Pintar, Pemantauan Masa Nyata Udara, Air dan Bencana, Bangunan Hijau, Lampu Jalan Pintar, Tenaga Solar, Stesen Mengecas Kenderaan Elektrik, Pengkomposan Sisa Makanan, Real Time Air Monitoring, Real Time Water Monitoring, Real Time Disaster Monitoring, Real Time Smart Waste Management, Pemasangan Semula Bangunan, Smart Bin, Indoor Air Quality Monitoring, Grid Tenaga, Waste Water to Energy, EV Charging Station

٨ 8 INISIATIF SMART PEOPLE

Platform Pendidikan Digital, Platform Interaksi Komuniti, Pusat Inovasi Komuniti, Program Latihan Teknologi / Kreativiti / Inovasi / Penciptaan, Program Berasaskan TVET, Program Berasaskan STEM, Program Hackathon / Datathon

7 INISIATIF SMART GOVERNMENT ٧

Command Centre, Aplikasi Pintar, Portal Digital, Urban Observatory

15 INISIATIF SMART MOBILITY ١٥

Sistem Pengangkutan Pintar (ITS), Pusat Kawalan Tarfik (TCC), Lampu Isyarat Pintar, Aplikasi TLK Pintar, Micro Mobility (e-Scooter, bike sharing), Laluan Micro Mobility, Kereta/Bus Elektrik, Aplikasi Pengangkutan Awam Pintar, Bus Rapid Transit Art Integration, Autonomous Vehicle (AV), Smart Bus Stop, Smart Pedestrian Walkway, Bicyce Lane, Unified Payment System

6 INISIATIF SMART DIGITAL INFRASTRUCTURE ٦

Data Centre, Cloud Computing, Wifi Percuma, Naik Taraf Manara Komunikasi, Pelaksanaan 5G, Pemantauan Masa Nyata

NOTA:

1. *Urban Observatory: Sistem Maklumat Pintar Bersepadu sebagai Mekanisma bagi Memantau Perkembangan Kawasan Bandar di Dunia*
2. *CPTED : Crime Prevention Through Environmental Design*
3. *ITS: Intelligent Transportation System*
4. *TCC: Traffic Command Center*
5. *EV: Electric Vehicle*
6. *TVET: Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional*
7. *STEM: Pendidikan dan Latihan Sains, Teknologi, Kejuruteraan & Matematik*

Angka tersebut menunjukkan jumlah agensi yang melaksanakan inisiatif tersebut.

TAHAP KETERSEDIAAN INFRASTRUKTUR DIGITAL

2.3 Ketersediaan Infrastruktur Digital di Negeri Kelantan

Pembangunan infrastruktur digital dan pintar merupakan asas utama dalam merealisasikan **Aspirasi Bandar Pintar** serta pembangunan bandar pintar di Negeri Kelantan. Seiring dengan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR), pelaburan dalam infrastruktur digital menjadi keperluan strategik bagi merangsang pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Melalui inisiatif Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) di bawah Rancangan Malaysia Ke-12, pelbagai usaha sedang giat dilaksanakan **untuk memperluas liputan, meningkatkan kelajuan, serta memperkukuh kualiti capaian internet di kawasan bandar dan luar bandar**. Langkah ini menjadi pemangkin utama ke arah pembangunan bandar yang lebih mampan, berdaya saing dan berdaya huni di Negeri Kelantan.

Ketersediaan Sambungan Gentian Optik (FFTH) dan Capaian Liputan Internet Mudah Alih 4G/LTE

Rangkaian Fiber to the Home (FTTH) menyediakan sambungan internet yang pantas dan stabil, serta menyokong pelbagai aplikasi dan perkhidmatan pintar dalam pembangunan bandar pintar. Sehingga kini, kadar **penembusan jalur lebar tetap bagi setiap 100 premis di Negeri Kelantan adalah sebanyak 24.0%.** Antara kawasan yang mencatatkan kadar **penembusan tertinggi ialah Kota Bharu, Pengkalan Chepa dan Kubang Kerian.**

Jadual 2.2: Ketersediaan Sambungan Gentian Optik (FTTH) di Negeri Kelantan

BIL	JAJAHAN/ PARLIMEN	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	FTTH TALIAN TETAP PREMIS DILIPUTI *SEPTEMBER 2024	CAPAIAN LIPUTAN MUDAH ALIH (4G/LTE) *SEPTEMBER 2024
1	Kota Bharu	MP Kota Bharu BRI	22,371	100%
	Pengkalan Chepa		12,809	100%
	Kubang Kerian		16,752	100%
2	Ketereh	MD Ketereh PI	6,480	99.99%
3	Bachok	MD Bachok BPI	5,687	99.96%
4	Pasir Puteh	MD Pasir Puteh	5,023	99.87%
5	Pasir Mas	MD Pasir Mas	5,460	99.97%
	Rantau Panjang		4,378	98.84%
6	Machang	MD Machang	5,089	99.79%
7	Tumpat	MD Tumpat	9,104	99.98%
8	Tanah Merah	MD Tanah Merah	6,862	98.38%
9	Jeli	MD Jeli	3,110	98.91%
10	Kuala Krai	MD Kuala Krai MD Dabong	4,000	97.52%
11	Gua Musang	MD Gua Musang	7,087	95.77%
	Kecil Lojing			
JUMLAH/ PURATA KESELURUHAN			**114,212**	**99.32%**

Sumber: SKMM Negeri Kelantan, Setakat Suku-3 2024

114,212
Premis diliputi gentian optik
SKMM, Setakat Suku-3 2024

99.32 %
Liputan 4G di kawasan berpenduduk
SKMM, Setakat Suku-3 2024

98.62 %
Liputan 2G di kawasan berpenduduk
SKMM, Setakat September 2024

3G
Liputan 3G telah ditutup
SKMM, Setakat September 2024

POS Simpor, Gua Musang

“ Kemajuan Kelantan sebagai sebuah negeri pintar bermula dengan ketersambungan digital yang menyeluruh dan inklusif ”

ASPIRASI DAN PENCAPAIAN

JENDELA Negara Menjelang Tahun 2025

Aspirasi utama Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) 2025 adalah untuk meningkatkan kualiti dan liputan rangkaian mudah alih di Malaysia khususnya teknologi 4G dan 5G serta memperluas jalur lebar tetap bagi menyediakan perkhidmatan digital yang lebih baik kepada rakyat.

9 Juta

Premis diliputi gentian optik
Aspirasi JENDELA Menjelang 2025

100%

Liputan 4G di kawasan berpenduduk
Aspirasi JENDELA Menjelang 2025

100 mbps

Kelajuan mengadaptasi 5G
Aspirasi JENDELA Menjelang 2025

8.19 Juta

Premis diliputi gentian optik
Pencapaian JENDELA Setakat Suku-3 2023

99.3%

Liputan 4G
Pencapaian JENDELA Setakat Disember 2024

61.5 mbps

Kelajuan mengadaptasi 5G
Pencapaian JENDELA Setakat Suku-3 2023



2.3.1 Perancangan JENDELA bagi Negeri Kelantan

Pelaksanaan perluasan liputan, ketersambungan, kelajuan dan kualiti jalur lebar di Negeri Kelantan akan terus diperkasa selaras dengan aspirasi kerajaan untuk membangunkan bandar pintar yang lebih efisien dan berdaya saing. Menerusi Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), pelbagai perancangan strategik telah digariskan bagi memperluas perkhidmatan jalur lebar serta membuka peluang digital kepada rakyat negeri ini.

Jadual 2.3: Status Perancangan JENDELA 4G/LTE bagi Negeri Kelantan

BIL	JAJAHAN/ PARLIMEN	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	MENARA BARU 4G	MENAIK TARAF STESEN 4G/LTE
1	Kota Bharu	MP Kota Bharu BRI	2	179
	Pengkalan Chepa		5	187
	Kubang Kerian		5	168
2	Ketereh	MD Ketereh PI	8	93
3	Bachok	MD Bachok BPI	6	194
4	Pasir Puteh	MD Pasir Puteh	7	151
5	Pasir Mas	MD Pasir Mas	6	106
	Rantau Panjang		8	125
6	Machang	MD Machang	13	100
7	Tumpat	MD Tumpat	11	257
8	Tanah Merah	MD Tanah Merah	13	125
9	Jeli	MD Jeli	12	99
10	Kuala Krai	MD Kuala Krai MD Dabong	31	184
11	Gua Musang	MD Gua Musang	24	247
	Kecil Lojing			
JUMLAH/ PURATA KESELURUHAN			**151**	**2,215**

Sumber: SKMM Negeri Kelantan, Setakat Suku-3 2024

115

Sehingga 16 Disember 2024, sebanyak 115 menara telekomunikasi baharu telah siap dibina manakala 36 lagi sedang dalam fasa pelaksanaan.

2,215

Sehingga 16 Disember 2024, stesen pemancar sedia ada telah dinaik taraf daripada rangkaian 2G/3G kepada 4G di kawasan luar bandar, pedalaman dan kampung tradisi.

18

Stesen (Jalur Lebar Tanpa Wayar – BWA) di Gua Musang mula beroperasi sejak suku kedua 2022 selepas siap dibina sepenuhnya.

167

Projek Point of Presence (POP) sedang giat dilaksanakan bagi kategori sekolah di mana sebanyak 56 POP telah siap dibina. Bagi kategori kawasan industri, tiga (3) projek telah siap sepenuhnya setakat 16 Disember 2024.

2.3.2 Teknologi Sambungan Tanpa Wayar Generasi Kelima (5G) Negeri Kelantan

Rangkaian 5G adalah generasi teknologi selular yang terkini bertujuan untuk menyampaikan sambungan yang lebih pantas, lebih dipercayai dengan latensi lebih rendah dari generasi sebelumnya. Kerajaan Negeri Kelantan memberi tumpuan meningkatkan rangkaian 5G di kawasan bandar dan mempertingkat kemudahan 4G ke seluruh kawasan pedalaman bagi memperluaskan liputan internet bagi kemudahan orang ramai. Sebanyak 228 menara struktur telekomunikasi liputan 5G telah siap dinaik taraf. Daripada jumlah tersebut dan baki 5 menara struktur masih dalam fasa pelaksanaan setakat 31 Oktober 2024.


Jadual 2.4: Status Perancangan JENDELA 5G bagi Negeri Kelantan

BIL	JAJAHAN/ PARLIMEN	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	MENARA BARU 5G
1	Kota Bharu	MP Kota Bharu BRI	40
	Pengkalan Chepa		33
	Kubang Kerian		30
2	Ketereh	MD Ketereh PI	22
3	Bachok	MD Bachok BPI	5
4	Pasir Puteh	MD Pasir Puteh	9
5	Pasir Mas	MD Pasir Mas	14
	Rantau Panjang		9
6	Machang	MD Machang	10
7	Tumpat	MD Tumpat	31
8	Tanah Merah	MD Tanah Merah	15
9	Jeli	MD Jeli	6
10	Kuala Krai	MD Kuala Krai MD Dabong	3
11	Gua Musang	MD Gua Musang	6
	Kecil Lojing		
JUMLAH/ PURATA KESELURUHAN			**233**

Sumber: SKMM Negeri Kelantan, Setakat Suku-4 2024

233
Struktur Menara Baru Telekomunikasi
(Liputan 5G)

67%
Capaian Liputan 5G (Integrated)
di Negeri Kelantan



Kota Bharu, Kelantan

2.3.3

PUSAT SEBARAN MAKLUMAT NASIONAL

(NADI) di Negeri Kelantan

Capaian Internet Secara Kolektif

NADI memperkasakan komuniti melalui asimilasi teknologi dalam kehidupan seharian komuniti. NADI juga menyediakan capaian Internet secara kolektif kepada komuniti khususnya di luar bandar dan dari kawasan yang kurang liputan perkhidmatan.

Memperkasa Komuniti

NADI berperanan memupuk keterangkuman dan memperkasa komuniti setempat melalui program keusahawanan, e-pembelajaran, kesejahteraan kendiri dan kematangan penggunaan internet. Inisiatif ini membantu merapatkan jurang digital, pengetahuan dan sosioekonomi.

Sebaran Maklumat

NADI berperanan merapatkan jurang maklumat dalam kalangan masyarakat khususnya di kawasan luar bandar, dengan menyediakan maklumat yang tepat dan terkini. Ia turut membantu menyebarluaskan inisiatif Kerajaan seperti portal Manfaat MADANI dan BUDI MADANI kepada rakyat.

Sumber: SKMM Negeri Kelantan, Setakat Suku-4 2024

“ NADI memperkasa komuniti digital sebagai asas kepada pembangunan Bandar Pintar Kelantan yang inklusif, berdaya saing dan celik teknologi ”



Jadual 2.5: Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) di Jajahan Kelantan

BIL	JAJAHAN/PARLIMEN	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	PUSAT SEBARAN MAKLUMAT NASIONAL (NADI)
1	Kota Bharu	MP Kota Bharu BRI	3
	Pengkalan Chepa		1
2	Ketereh	MD Ketereh PI	3
3	Bachok	MD Bachok BPI	8
4	Pasir Puteh	MD Pasir Puteh	6
5	Pasir Mas	MD Pasir Mas	2
	Rantau Panjang		3
6	Machang	MD Machang	4
7	Tumpat	MD Tumpat	5
8	Tanah Merah	MD Tanah Merah	5
9	Jeli	MD Jeli	11
10	Kuala Krai	MD Kuala Krai MD Dabong	8
11	Gua Musang	MD Gua Musang	13
	Kecil Lojing		
JUMLAH/ PURATA KESELURUHAN			**72**

Statistik Penyertaan Komuniti NADI Negeri Kelantan

135,254 Jumlah pengguna NADI

265,308 Penyertaan komuniti dalam pelbagai latihan yang dijalankan

2,515 Usahawan yang dibimbing oleh NADI

Sumber: SKMM Negeri Kelantan, Setakat Suku-4 2024

Kepentingan Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) dalam Bandar Pintar

Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) memainkan peranan penting dalam menyokong pembangunan Bandar Pintar Kelantan, khususnya dalam aspek pengurusan dan penyebaran maklumat yang cekap dan berkesan kepada masyarakat serta pihak berkuasa tempatan. Sebagai pusat yang berfungsi untuk mengumpul, menganalisis dan menyalurkan data, NADI memperkukuh keupayaan digital bandar melalui penyediaan maklumat yang tepat pada masa nyata, sekali gus menyokong proses perancangan, pelaksanaan dan pemantauan perkhidmatan bandar secara lebih efisien. Dalam konteks Negeri Kelantan, NADI turut menjadi medium penting bagi meningkatkan literasi digital, memperluas kesedaran rakyat terhadap inisiatif kerajaan serta merapatkan jurang maklumat antara kawasan bandar dan luar bandar. Peranan ini sejajar dengan aspirasi negeri untuk membangunkan bandar pintar yang berdaya saing, inklusif dan berorientasikan rakyat, selaras dengan arus Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) dan transformasi digital negara.

Capaian Internet
ICT & Multimedia, STEM & IoT, Keusahawanan, Advokasi, E-Pembelajaran, Kemahiran Insaniah.

Pemerkasaan Komuniti
Latihan Kemahiran dan Vokasional (TVET), MyFutureJobs (PERKESO)

Sebaran Maklumat
Bantuan dan Dana, Hebahan Maklumat, Akses kepada aplikasi dan perkhidmatan dalam talian, Penggunaan internet yang selamat.

ISU DAN CABARAN

DALAM PENGURUSAN BANDAR PINTAR

2.4 Isu dan Cabaran Perbandaran di Negeri Kelantan

Hasil dapatan daripada dasar sedia ada, sesi libat urus dan analisis kaji selidik telah mengenal pasti beberapa isu dan cabaran utama yang perlu diberi perhatian, khususnya bagi memastikan **penyelarasan dasar yang lebih berkesan dan menyeluruh**.



1 Meningkatkan Penggunaan Air Yang Mampan

Tahun 2021
- Kadar penggunaan air 265 MLD (juta liter sehari)
- (Kadar air tidak terhasil (NRW) 52.6%)

Tahun 2017
- Kadar penggunaan air 240 MLD (juta liter sehari)
- Kadar air tidak terhasil (NRW) 49.3%) tahun 2017)

Sumber: Laporan Tahunan SPAN 2017, 2021



2 Meningkatkan Perkhidmatan End-to-End (E2E)

Sebanyak 487 perkhidmatan yang disediakan kepada rakyat. Daripada jumlah tersebut, 97 (19.92%) perkhidmatan menyediakan E2E manakala 390 (80.08%) bukan E2E

Sumber: Pencapaian Perkhidmatan E2E SUK Negeri, MAMPU 2021



3 Kekurangan Penawaran Peluang Pekerjaan Dan Tenaga Mahir

Tenaga buruh meningkat 0.1% dan kadar pengangguran bertambah 4.3%. Bilangan siswazah di Kelantan bertambah seramai 180.1 ribu orang. Dari jumlah tersebut, seramai 146.4 ribu orang adalah tenaga buruh siswazah

Sumber: Laporan Sosioekonomi Negeri Kelantan, 2020



4 Kesesakan Lalulintas, Kenderaan Persendirian

Sebanyak 929,033 ribu kenderaan pada 2020 berbanding 663,852 ribu pada Tahun 2010

Sumber: Statistik Pengangkutan 2010 & 2020



5 Meningkatkan Perniagaan Dalam Talian

Penyertaan komuniti NADI di Negeri Kelantan adalah 135,254 orang.
Usahawan yang dibimbing oleh NADI adalah 2,515 orang dan sebanyak 265,308 orang menyertai pelbagai program latihan

Sumber: SKMM, 2024



6 Mengurangkan Risiko Bencana Banjir

Kelantan merekodkan 29 kejadian banjir secara keseluruhan pada Tahun 2021 berbanding dengan 19 kejadian pada Tahun 2020.
(9 kejadian banjir monsun dan 10 kejadian banjir kilat)

Sumber: Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN), JPS, Malaysia



7 Penjagaan Kesihatan Yang Baik

Doktor 1 : 451
Jururawat 1 : 321
Katil 1:616 org
(RMK12 Doktor – 1:400)

Sumber: MyLocalStat 2022



8 Pencemaran Sungai

3/28 (Sg Raja Gali, Alor B & Alor Lintah)
Kualiti air masih berada di dalam Kelas III (Sederhana Tercemar)

Sumber: RSNK 2040



9 Meningkatkan Kelajuan Dan Tahap Liputan Jalur Lebar

Q4, 2023:
- Talian Tetap 26.4 %
- Talian Mudah Alih 115.2%
- Capaian Liputan Mudah Alih 4G - 96.71%

Q1,2024:
- 5G Coverage 66.4%

Sumber: SKMM



10 Pengurusan Sisa Pepejal Yang Mampan

Terdapat peningkatan sisa pepejal di Negeri Kelantan iaitu 823,694 tan pada tahun 2021 781,074 tan pada tahun 2017

Sumber: Statistik Siri Masa KPKT



11 Penggunaan Sumber Tenaga Elektrik

Peningkatan penggunaan sumber tenaga elektrik di Negeri Kelantan iaitu sebanyak 2,650 GWj- 2020 2,352 GWj- 2016

Sumber: ST - MAISPEM_2020



12 Peningkatan Golongan Muda (0-14)

Sebanyak 30.0% daripada keseluruhan penduduk terdiri daripada golongan muda (0-14 tahun)

Sumber: Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

Hasil dapatan daripada dasar sedia ada, sesi libat urus dan analisis kaji selidik telah mengenal pasti beberapa isu dan cabaran utama yang perlu diberi perhatian, khususnya bagi memastikan **penyelarasan dasar yang lebih berkesan dan menyeluruh**.

SMART PEOPLE

1. **Kekurangan bakat digital** khususnya dalam bidang industri kandungan kreatif dan keselamatan siber.
2. **Jurang digital dalam kalangan masyarakat** disebabkan oleh tahap kemahiran digital yang masih rendah.
3. **Jurang digital dalam kalangan usahawan** berpunca daripada kekangan masa dan kemampuan kewangan.
4. **Latihan dan bimbingan secara praktikal (hands-on)** yang memberi impak segera masih kurang dilaksanakan.



SMART ENVIRONMENT


1. Pengurusan sisa pepejal masih mengamalkan kaedah **pelupusan terbuka (open dumping) yang tidak mampan**.
2. **Penggunaan teknologi hijau masih rendah** dalam pengurusan sisa pepejal, air, sisa kumbahan dan tenaga elektrik.
3. **Pencemaran air sungai** akibat aktiviti kerja tanah yang tidak terkawal.
4. **Pengurusan air kumbahan tidak teratur** disebabkan pembangunan yang berlaku secara berperingkat (piecemeal).
5. **Tindak balas kecemasan semasa bencana alam** seperti tanah runtuh, banjir, jerebu dan kebakaran masih tidak sistematik.

SMART GOVERNMENT

1. **Tahap penerimagunaan teknologi digital masih sederhana** dan tidak menyeluruh, termasuk dalam urusan pentadbiran, perkhidmatan, pembayaran tanpa tunai, penggunaan cloud dan lain-lain.
2. **Sistem jabatan masih beroperasi secara berasingan (silo)** tanpa perkongsian data yang bersepadu.
3. **Keupayaan infrastruktur ICT** perlu dipertingkatkan bagi menyokong transformasi digital yang lebih efisien.
4. **Tahap penyampaian perkhidmatan hujung ke hujung (End-to-End, E2E)** dalam sektor awam masih rendah.

SMART MOBILITY

1. **Pertambahan jumlah kenderaan** menyebabkan kesesakan lalu lintas, terutamanya semasa musim perayaan dan cuti sekolah.
2. **Ketiadaan pusat kawalan trafik bersepadu (Central Command Centre)** di peringkat PBT menyukarkan pemantauan dan pengurusan trafik secara masa nyata.
3. **Kekurangan tempat letak kenderaan** di kawasan bandar menjejaskan kelancaran pergerakan dan keselesaan pengguna.
4. **Penyediaan perkhidmatan pengangkutan awam** masih di tahap yang rendah dan tidak menyeluruh.
5. **Peningkatan kadar kemalangan jalan raya** khususnya di kawasan berpenduduk padat dan berisiko tinggi.




SMART LIVING

1. **Isu keselamatan dan kadar jenayah** yang memerlukan pemantauan dan intervensi berterusan.
2. **Permintaan terhadap perkhidmatan kesihatan** semakin meningkat, sejajar dengan pertambahan penduduk dan perubahan gaya hidup.
3. **Peningkatan jumlah warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU)** memerlukan kemudahan bandar yang lebih inklusif dan mesra pengguna.
4. **Kekurangan perintis dan sokongan kepada penggiat seni** serta aktiviti kebudayaan tempatan.
5. **Penggunaan tenaga elektrik yang meningkat** memerlukan perancangan sumber tenaga yang cekap dan mampan.
6. **Kadar Air Tidak Berhasil (Non-Revenue Water, NRW) dan permintaan air dijangka terus meningkat** memberi tekanan kepada sistem bekalan air sedia ada.



SMART DIGITAL INFRASTRUCTURE

1. **Liputan infrastruktur komunikasi masih belum menyeluruh** dan keupayaan penggunaan teknologi digital yang bersesuaian masih terhad di beberapa kawasan.
2. **Sambungan internet yang terbatas di kawasan luar bandar dan pedalaman** terus menjadi halangan utama dalam mencapai akses digital yang inklusif.
3. **Pelaburan dalam infrastruktur digital** seperti rangkaian gentian optik dan stesen pemancar, masih belum mencukupi untuk meliputi seluruh kawasan dengan berkesan.
4. **Kesedaran, pengetahuan dan pelaburan dalam keselamatan siber** termasuk amalan beretika dalam penggunaan data dan teknologi digital masih rendah dan memerlukan penekanan yang lebih serius.



SMART ECONOMY

1. Kedudukan dan prestasi **Indeks Ekonomi Digital Negeri Kelantan (IEDN)** masih berada di bawah paras median nasional.
2. **Tahap penerimagunaan teknologi digital dalam kalangan industri dan usahawan** masih berada di peringkat awal.
3. **Ekosistem pendigitalan yang menyokong sektor perniagaan dan industri** masih belum berkembang sepenuhnya.
4. **Ketersediaan perkhidmatan digital untuk industri dan usahawan** juga masih terhad dan memerlukan perluasan capaian serta sokongan teknikal.

Sumber: Soal Selidik Pandangan Agensi Terhadap Kajian Blueprint Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040

بندر ڤينتر نڬري كلنتن ٢٠٤٠



© Expedia.com

Halaman ini sengaja dibiarkan kosong

BAB

3



KE ARAH KELANTAN PINTAR

MEMANDU ARAH PEMBANGUNAN BANDAR PINTAR NEGERI KELANTAN

ممندو اره ڤمباڠونن بندر ڤينتر نڬري كلنتن

3.1

HALA TUJU

KELANTAN PINTAR 2040

Kelantan Pintar 2040 ialah perancangan jangka panjang Kerajaan Negeri Kelantan untuk menjadikan negeri ini lebih maju, moden dan selesa melalui penggunaan teknologi. Usaha ini memberi fokus kepada peningkatan kualiti hidup rakyat untuk menjadikan urusan harian lebih mudah, perkhidmatan lebih cekap dan bandar lebih selamat. Dalam masa yang sama, nilai budaya, adat dan cara hidup masyarakat Kelantan akan terus dipelihara. Semua pihak yang terdiri daripada kerajaan, pihak berkuasa tempatan, sektor swasta dan rakyat akan bekerjasama bagi merealisasikan Kelantan sebagai negeri pintar, selamat dan sejahtera menjelang tahun 2040.



AL-BAQARAH: 269 «

يُؤْتِى ٱلْحِكْمَةَ مَن يَشَآءُ ۚ وَمَن يُؤْتَ ٱلْحِكْمَةَ فَقَدْ أُوتِىَ خَيْرًا كَثِيرًا ۗ
وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّآ أُو۟لُوا۟ ٱلْأَلْبَٰبِ

Firman Allah SWT mafhumnya; ***"Dia (Allah) memberikan hikmah kepada sesiapa yang dikehendakinya, dan sesiapa yang diberikan hikmah itu, maka sesungguhnya dia telah diberikan kebajikan yang banyak"***

3.1.1 Visi *Blueprint* Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040

VISI

Blueprint ini menggambarkan komitmen Kerajaan Negeri Kelantan dalam menangani cabaran perbandaran melalui perancangan dan pelaksanaan pembangunan bandar pintar yang sistematik, inovatif dan berteraskan teknologi. Segala inisiatif yang dirancang adalah berpaksikan kepada kepentingan dan kesejahteraan rakyat, sejajar dengan nilai-nilai **Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI)** yang menjadi asas pentadbiran Negeri Kelantan.

" Memacu Kelantan ke Arah Negeri Pintar, Diberkati dan Sejahtera Menjelang 2040 "



PINTAR

Menunjukkan keupayaan negeri dan rakyat memanfaatkan teknologi, inovasi dan data secara strategik dalam pentadbiran, perkhidmatan serta kehidupan seharian. Ia juga merangkumi pembentukan rakyat yang berpengetahuan, beretika dan berdaya saing dalam era digital.



DIBERKATI

Melambangkan sebuah negeri yang dibangunkan berasaskan nilai-nilai Islam, keadilan sosial dan prinsip moral di samping menekankan kepimpinan yang amanah, pentadbiran yang adil serta pembangunan yang membawa keberkatan dan selaras dengan syariat.



SEJAHTERA

Menggambarkan kehidupan rakyat yang harmoni, selamat, stabil dan berkualiti dari segi ekonomi, sosial, alam sekitar dan kesihatan mental-spiritual. Konsep ini turut mencerminkan keharmonian antara pembangunan fizikal dan keseimbangan hidup masyarakat.

3.2 Pemacu Pembangunan Bandar Pintar Negeri Kelantan

PORTAL RASMI MASJID MAIK


e-Aduan Masjid
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN
eSEMAKAN TAULIAH
e-Fatwa
e-semakan PMM
SEMAKAN PEGAWAI MASJID MUKIM
Bayar Zakat, Harta Berkat
Pusat Mini Pungutan Zakat
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN
KAUNTER BAITULMAL
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN

3.7.2 Pendidikan Pintar

Di bawah pengurusan Yayasan Islam Kelantan (YIK) terdapat sebanyak **93 buah institusi pendidikan** yang meliputi peringkat sekolah menengah, rendah, pondok dan tadika. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **29 buah adalah Maahad**, dan **11 daripadanya dikategorikan sebagai Maahad Kawalan**.

Terdapat **enam (6) Maahad** yang pada masa ini menawarkan subjek berteraskan teknologi seperti berikut:

١

Subjek Sains Komputer:

1. *Maahad Sains Tok Guru (Maahad Kawalan)*

٢

Subjek Grafik Komunikasi Teknikal:

2. *Maahad Muhammadi Lelaki (Maahad Kawalan)*
3. *Maahad Muhammadi Perempuan (Maahad Kawalan)*
4. *Maahad Muhammadi Pasir Mas (Maahad Pilihan)*
5. *Maahad Amir Indera Petra (Maahad Pilihan)*

٣

Subjek Reka Cipta

6. *Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah*

Ke arah pendidikan pintar yang lebih menyeluruh, usaha perlu digembleng untuk memperluas akses kepada subjek-subjek teknologi serta memperkenalkan persekitaran pembelajaran digital yang lebih holistik merangkumi bilik darjah pintar, sistem pengurusan pembelajaran (LMS) dan pembangunan kapasiti guru dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Way Forward

PENDIDIKAN PINTAR

YAYASAN ISLAM KELANTAN

PEMERKASAAN INFRASTRUKTUR DIGITAL SEKOLAH

- Menyediakan capaian internet berkelajuan tinggi di semua sekolah YIK.
- Menaik taraf dan memasang peralatan pembelajaran berteknologi selari dengan peredaran semasa.

PENGEMBANGAN KURIKULUM BERASASKAN TEKNOLOGI

- Membuka tawaran subjek seperti Sains Komputer, Grafik Komunikasi Teknikal dan Reka Cipta di Maahad Kawalan dan Maahad lain
- Membangunkan silibus Islamik berasaskan STEM (Science, Technology, Engineering, Mathematics) yang menekankan integrasi ilmu duniawi dan ukhrawi.

LATIHAN DAN PENINGKATAN KEMAHIRAN GURU

- Menyediakan latihan intensif ICT, pedagogi digital dan penggunaan alat bantu mengajar pintar kepada semua guru.
- Menjalin kerjasama dengan IPT, MDEC dan agensi berkaitan untuk pembangunan kapasiti tenaga pengajar.

PEMBANGUNAN SISTEM E-PEMBELAJARAN YIK

- Membangunkan portal e-pembelajaran YIK tersendiri untuk penyampaian bahan pengajaran, latihan, penilaian dan forum komuniti pembelajaran.
- Menggalakkan penggunaan platform hibrid (fizikal + digital) untuk pembelajaran fleksibel.

KOLABORASI STRATEGIK DAN PEMBIAYAAN

- Menjalin kerjasama dengan syarikat teknologi tempatan dan nasional untuk penajaan peralatan digital dan pembangunan sistem.
- Memohon geran pendidikan digital seperti Geran Khas Pendidikan, CSR korporat dan dana kerajaan (contoh: MDEC, MOSTI).

PEMANTAPAN LITERASI DIGITAL PELAJAR

- Menyediakan modul literasi digital Islamik untuk pelajar bermula dari peringkat rendah hingga menengah.
- Menganjurkan pertandingan inovasi digital, kem teknologi dan bengkel pembangunan aplikasi di peringkat sekolah.

GENERASI AL-QURAN
PEMANGKIN KELANTAN PINTAR

Melahirkan **generasi Al-Quran yang celik teknologi** dan berdaya saing, selaras dengan aspirasi **Kelantan Pintar 2040**

From Al-Quran ***To Code***

بندر ڤينتر نڬري كلنتن ٢٠٤٠




Pelajar-pelajar Maahad Sains Tok Guru menonjolkan kreativiti dan inovasi melalui reka cipta teknologi

3.7.3 Tenaga Boleh Diperbaharui

Projek HIDROELEKTRIK Nenggiri GUA MUSANG

1. Menyokong sasaran negara mencapai 40% penjanaan tenaga boleh diperbaharui (RE) menjelang 2035.
2. Mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 0.3 juta tan setahun (bersamaan pencemaran 70,000 kenderaan).
3. Memberi manfaat kepada Kelantan dalam kawalan banjir dan sistem pengairan.
4. Berfungsi sebagai kawasan tadahan air semula jadi, terutama ketika musim tengkujuh.
5. Menyumbang kepada kestabilan bekalan air dan keseimbangan alam sekitar.



Lakaran artis Empangan Nenggiri milik TNB di Gua Musang. - Foto TNB

Projek SOLAR TERAPUNG

Danau To' Uban

PASIR MAS

1. Ladang solar terapung di atas tasik seluas 40 hektar.
2. Menggunakan sebanyak 247,830 panel solar.
3. Menjana tenaga bersih sebanyak 98 MWp.
4. Mampu membekalkan elektrik kepada lebih 33,000 buah rumah.
5. Diiktiraf sebagai:
    - Ladang solar terapung terbesar di Asia Tenggara
    - Ketiga terbesar di dunia
6. Merupakan projek ikonik bertaraf dunia dalam tenaga boleh diperbaharui.
7. Menyokong aspirasi Kelantan dan Malaysia ke arah tenaga hijau dan pembangunan mampan.

© Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan

3.7.4 Teknologi Hijau

Perkhidmatan Bas Elektrik MYKOTA

Kota Bharu


BUS ELEKTRIK PERTAMA
DI PANTAI TIMUR



8 buah bas elektrik bernilai RM11.2 juta telah mula beroperasi di sekitar Kota Bharu yang meliputi **4 laluan utama**:

- **Kota Bharu – Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra – Sabak**
- **Kota Bharu – Panchor – Kemumin – Sabak**
- **Kota Bharu – Pengkalan Chepa**
- **Kota Bharu – Pantai Cahaya Bulan**






Menggunakan **sistem pembayaran tanpa tunai (cashless)**.

Tambang percuma kepada:

- Pelajar sekolah
- Pelajar IPT
- Warga emas
- OKU



RM10

Hanya bayaran **pendaftaran RM10 sekali seumur hidup**.

Menyokong inisiatif **mobiliti hijau dan bandar rendah karbon**.





Halaman ini sengaja dibiarkan kosong

BAB

4



Pemandangan Sekitar Bandar Kota Bharu

© PLANMalaysia Kelantan

TADBIR URUS PINTAR

PENGURUSAN STRATEGIK DAN PELAKSANAAN PEMBANGUNAN BANDAR PINTAR

ڤڠوروسن ستراتيڬيک دان ڤلقساناءن ڤمباڠونن باندر ڤينتر

4.1 Tadbir Urus Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Kelantan 2030

Majlis Teknologi Maklumat Negeri (MTMN) merupakan struktur tadbir urus sedia ada yang ditubuhkan khusus bagi memperkukuh pelaksanaan serta pemantauan Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Kelantan 2030 (PTEDNK 2030). Secara langsung, MTMN turut menyokong pelaksanaan inisiatif di bawah *Blueprint* Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040. Struktur tadbir urus MTMN ditunjukkan sebagaimana di **Rajah 4.1**.

MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI KELANTAN

MAJLIS TEKNOLOGI MAKLUMAT NEGERI (MTMN)
PENGERUSI : MENTERI BESAR KELANTAN

JAWATANKUASA PENDIDIKAN, PENGAJIAN TINGGI, TEKNOLOGI HIJAU, DIGITAL DAN INOVASI KERAJAAN NEGERI KELANTAN
PENGERUSI : PENGERUSI JAWATANKUASA PENDIDIKAN, PENGAJIAN TINGGI, TEKNOLOGI HIJAU, DIGITAL DAN INOVASI KERAJAAN NEGERI KELANTAN

JAWATANKUASA PEMANDU ICT NEGERI
PENGERUSI : SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

JAWATANKUASA KERJA PELAKSANAAN PELAN
PENGERUSI : TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN (PENGURUSAN)

PEJABAT PENGURUSAN PROJEK (PMO)
PENGERUSI : BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

KLUSTER KERAJAAN DIGITAL	KLUSTER EKONOMI DAN INDUSTRI DIGITAL	KLUSTER INFRASTRUKTUR DIGITAL	KLUSTER BAKAT DIGITAL	KLUSTER MASYARAKAT DIGITAL	KLUSTER PERSEKITARAN DIGITAL
Pengerusi : **Pengarah BPTM** Ahli-Ahli: 1. **PTG** 2. **PPN** 3. **UPEN** 4. **BPSM** 5. **BPBN** 6. **BKP** 7. **Bahagian Perumahan** 8. **Bahagian Pelaburan** 9. **UKEKWA** 10. **MDEC** 11. **Jabatan/ Agensi Kerajaan Negeri, Bahagian/Unit Pejabat SUK, IPTA, IPTS dan agensi swasta terpilih.**	Pengerusi : **Pengarah UPEN** Ahli-Ahli: 1. **PKINK** 2. **PMBK** 3. **BPTM** 4. **KIGSB** 5. **UMK** 6. **JPN Kelantan** 7. **MDEC** 8. **Semua PTJ** 9. **Semua PBT** 10. **Jabatan/ Agensi Kerajaan Negeri, Bahagian/Unit Pejabat SUK, IPTA, IPTS dan agensi swasta terpilih.**	Pengerusi : **Pengarah BKI-GIS** Ahli-Ahli: 1. **UPEN** 2. **SKMM** 3. **MAIK** 4. **BPTM** 5. **BAHUU** 6. **Bahagian Perumahan** 7. **BKT** 8. **Semua PBT** 9. **KIGSB** 10. **TM** 11. **IQSB** 12. **ARC** 13. **Jabatan/ Agensi Kerajaan Negeri, Bahagian/Unit Pejabat SUK, IPTA, IPTS dan agensi Swasta.**	Pengerusi : **Pengarah BPSM** Ahli-Ahli: 1. **YIK** 2. **YAKIN** 3. **BPTM** 4. **JPN Kelantan** 5. **KIGSB** 6. **ILDAN** 7. **MDEC** 8. **Semua IPT** 9. **Jabatan/ Agensi Kerajaan Negeri Persekutuan, Bahagian/Unit Pejabat SUK, IPTA, IPTS dan agensi Swasta terpilih.**	Pengerusi : **Pengarah PPAK** Ahli-Ahli: 1. **PTG** 2. **PTJ** 3. **BPTM** 4. **SKMM** 5. **MDEC** 6. **UKEKWA** 7. **KIGSB** 8. **MyDigital Corp.** 9. **BNM** 10. **BIMB** 11. **PayNet** 12. **MeSRA** 13. **Jabatan/ Agensi Kerajaan Negeri, Bahagian/Unit Pejabat SUK, IPTA, IPTS dan agensi swasta terpilih.**	Pengerusi : **Pengarah UPEN** Ahli-Ahli: 1. **UPEN** 2. **JPBD** 3. **YIK** 4. **BPTM** 5. **BKPK** 6. **JPN Kelantan** 7. **JPDP** 8. **Semua PBT** 9. **CGSO** 10. **SKMM** 11. **MDEC** 12. **NACSA** 13. **Cybersecurity** 14. **KIGSB** 15. **ILDAN** 16. **TM** 17. **Jab./Agensi Kerajaan Negeri, Bhg./ Unit Pejabat SUK, IPTA, IPTS dan agensi swasta terpilih.**

* Tertakluk kepada perubahan dan persetujuan Negeri dari masa ke semasa

Rajah 4.1 : Struktur Tadbir Urus Majlis Teknologi Maklumat Negeri (MTMN)

Sumber: Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Kelantan 2030

Peranan dan Tanggungjawab Majlis Teknologi Maklumat Negeri (MTMN)

Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Kelantan 2030 (PTEDNK 2030), ia perlu dilaksanakan secara profesional dan sistematik melalui entiti khusus yang telah ditubuhkan. Peranan dan tanggungjawab Majlis Teknologi Maklumat Negeri (MTMN) adalah seperti di **Rajah 4.2**.

MAJLIS TEKNOLOGI MAKLUMAT NEGERI KELANTAN	Menyediakan **kepimpinan dan hala tuju dasar dan pelan**.
JAWATANKUASA PEMANDU ICT NEGERI & JAWATANKUASA PENDIDIKAN, PENGAJIAN TINGGI, TEKNOLOGI HIJAU, DIGITAL DAN INOVASI KERAJAAN NEGERI KELANTAN	Menentukan **hala tuju dan strategi pelaksanaan** serta **memperakukan pelaksanaan pelan**.
JAWATANKUASA KERJA PELAKSANAAN PELAN	Berperanan untuk **menyelaras dan memantau pelaksanaan pelan**.
PEJABAT PENGURUSAN PROJEK (PMO)	**Melaksanakan urusan pentadbiran pelan dan urus setia** kepada Majlis Teknologi Maklumat Negeri, Jawatankuasa Pemandu ICT Negeri dan Jawatankuasa Kerja Pelaksanaan Pelan.
KLUSTER KERAJAAN DIGITAL, EKONOMI DAN INDUSTRI DIGITAL, INFRASTRUKTUR DIGITAL, BAKAT DIGITAL, MASYARAKAT DIGITAL, PERSEKITARAN DIGITAL	Bertindak sebagai **pelaksana utama dan menyediakan kepakaran teknikal serta pasukan kerja untuk pembangunan dan pelaksanaan pelan.**

Rajah 4.2: Peranan dan Tanggungjawab Struktur Tadbir Urus MTMN

Sumber: Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Kelantan 2030

4.2 Cadangan Struktur Tadbir Urus Jawatankuasa Bandar Pintar Negeri Kelantan

Tadbir urus pelaksanaan Bandar Pintar Negeri Kelantan akan dipantau sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri. Pelaksanaan *Blueprint* Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040 akan dilaksanakan dan diselia melalui penubuhan jawatankuasa di peringkat negeri, daerah dan tempatan, mengikut keperluan.



Rajah 4.3: Objektif Jawatankuasa Bandar Pintar Negeri Kelantan

4.2.1 Peranan dan Fungsi Jawatankuasa Bandar Pintar Negeri Kelantan

1

Dasar dan Polisi

Mengkaji, menetapkan, menyelaras dan memantau pelaksanaan dasar serta polisi Kerajaan Persekutuan dan Negeri berkaitan inisiatif digital, sains, teknologi, kesalinghubungan dan infrastruktur telekomunikasi di Negeri Kelantan.

2

Perakuan Inisiatif

Memperakukan projek, program dan aktiviti berkaitan digital, sains, teknologi dan telekomunikasi yang dirancang, sedang atau telah dilaksanakan oleh PBT, jabatan, agensi serta pihak berkepentingan bagi tujuan perancangan, penyelarasan dan pemantauan.

3

Isu dan Penyelesaian Strategik

Mengenal pasti isu serta cabaran dalam pelaksanaan dasar berkaitan digital, sains, teknologi dan telekomunikasi, serta merangka pelan tindakan penyelesaian yang bersifat strategik.

4

Pembudayaan Teknologi

Menggalakkan pembudayaan penggunaan teknologi digital, sains dan inovasi dalam kalangan jabatan kerajaan, pihak swasta serta masyarakat umum.

5

Kerjasama Strategik

Menjalin kerjasama erat antara agensi kerajaan dan pemain industri bagi memperkukuh pembangunan ekonomi dan perkhidmatan kerajaan berasaskan digital serta pembangunan infrastruktur telekomunikasi.

6

Pelaksanaan Dasar Baharu

Berperanan sebagai jawatankuasa pelaksana bagi dasar-dasar baharu yang berkaitan aspek pendigitalan, teknologi, kesalinghubungan dan telekomunikasi.

7

Khidmat Nasihat

Memberi panduan serta khidmat nasihat kepada agensi dan pihak berkepentingan berkaitan pelaksanaan inisiatif digital, teknologi dan telekomunikasi serta menyokong kepakaran teknikal kepada Majlis Teknologi Maklumat Negeri (MTMN).

8

Pengurusan Data Raya (*Big Data*)

Menggubal, menyelaras dan mentadbir dasar serta hal ehwal berkaitan pengurusan data raya (big data), perkongsian data dan data terbuka.

4.2.2 Cadangan Organisasi Peringkat Negeri Kelantan

Jawatankuasa Bandar Pintar Negeri Kelantan berperanan menyelaras, merancang dan memantau pelaksanaan inisiatif bandar pintar melalui kerjasama pelbagai agensi berkaitan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh YB EXCO Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan Negeri Kelantan dan disokong oleh SUK serta penglibatan PBT dan agensi lain yang relevan sebagaimana di **Rajah 4.4**.

Rajah 4.4: Cadangan Organisasi Peringkat Negeri Kelantan




Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan, Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri Kelantan									
UPEN	BKPK	BPSM	Invest Kelantan	TIC	BPTM	BKI-GIS	Bhg. Bencana	Bhg. Perumahan	U-BeS
PTG	JPS	JKR	JSANK	JPV	Jab. Pertanian	PPN	YAKIN	MAIK	YIK
AKSB	PBBT	Unit SPARK	U-KeKWa	PKINK	KUM	KIGSB	KBCSB	IQSB	KPLB
Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan									
PDRM	JPN	JKN	JMG	JDN	ICU JPM	SKMM	JPAM	JBPM	JBS
SPAN	ECERDC	IWK	TM	TNB					
Pihak Berkuasa Tempatan									
MPKB-BRI	MDK-PI	MDGM	MDT	MDTM	MDPP	MDM	MDK-BPI	MDPM	MDKK
MDJ	MDD								

Sumber: Kajian Blueprint Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040

4.3 Cadangan Unit Pengurusan Projek Bandar Pintar Negeri Kelantan

Unit Pengurusan Projek Bandar Pintar Negeri Kelantan (UPP-BP) dicadang ditubuhkan sebagai pemudah cara dalam tempoh pelaksanaan *Blueprint* Bandar Pintar Negeri Kelantan sehingga tahun 2040 dan seterusnya. Pembentukan unit khas ini adalah bertujuan untuk mengurus, memantau serta memastikan kelancaran perancangan dan pelaksanaan projek bandar pintar di seluruh Negeri Kelantan di bawah kawal selia **Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kelantan (PLANMalaysia Kelantan)** sebagaimana dalam **Rajah 4.5**. Walau bagaimanapun, struktur organisasi UPP-BP ini boleh ditambah baik dan disesuaikan dari semasa ke semasa mengikut keperluan Negeri Kelantan.

Rajah 4.5: Struktur Unit Pengurusan Projek Bandar Pintar Negeri Kelantan (UPP-BP)




Sumber: Kajian Blueprint Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040

4.3.1 Fungsi Utama Unit Pengurusan Projek Bandar Pintar Negeri Kelantan (UPP-BP)

Lapan (8) fungsi utama Unit Pengurusan Projek Bandar Pintar Negeri Kelantan (UPP-BP) telah dikenal pasti untuk memberikan gambaran jelas mengenai peranan penting unit ini dalam merealisasikan Bandar Pintar Negeri Kelantan menjelang tahun 2040. Fungsi-fungsi ini bukan sahaja penting untuk membentuk dasar dan perancangan bandar pintar yang komprehensif, tetapi juga sebagai enjin penggerak kepada pembangunan sosial, ekonomi dan teknologi yang menyeluruh di Negeri Kelantan. Fungsi-fungsi utama UPP-BP adalah seperti berikut:

١ Menyelaras Pelaksanaan Inisiatif Bandar Pintar



Menjadi pusat penyelarasan utama antara agensi kerajaan negeri, PBT, jabatan teknikal dan rakan strategik dalam melaksanakan projek-projek di bawah Blueprint Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040.

٢ Memantau Kemajuan Projek Bandar Pintar




Menyediakan laporan berkala, pemantauan prestasi projek (KPI), serta menyelaras tindakan susulan bagi memastikan pelaksanaan projek berjalan mengikut perancangan dan jadual.

٣ Pengumpulan dan Pengurusan Data



Mengumpul, menyelaras dan mengurus data berkaitan inisiatif bandar pintar secara sistematik bagi menyokong perancangan, pemantauan dan penambahbaikan dasar serta pelaksanaan projek.

٤ Memberi Sokongan Teknikal



Menyediakan sokongan teknikal kepada agensi dan pihak berkepentingan terutama kepada operasi Kelantan Urban Observatory (KUO) termasuk khidmat nasihat dan penyelesaian teknikal yang berkaitan.

٥

Tadbir Urus dan Pelaporan



Menyelaras aspek-aspek tadbir urus berkaitan Bandar Pintar termasuk perancangan, pelaksanaan dan penyediaan laporan mengenai projek inisiatif bandar pintar dengan kerjasama Jawatankuasa Kerja (Working Committee) di bawah Majlis Teknologi Maklumat Negeri.

٦


Pembangunan Kemahiran Teknologi



Memupuk budaya digital dalam kalangan komuniti melalui program pendidikan, latihan dan kesedaran yang dapat meningkatkan literasi digital dan penggunaan teknologi secara beretika dalam kalangan rakyat, sektor awam dan swasta.

٧

Menjalankan Kajian dan Penilaian Impak



Melaksanakan kajian kebolehlaksanaan, analisis impak, serta penilaian pasca pelaksanaan terhadap projek atau inisiatif Bandar Pintar.

٨

Kerjasama dan Perkongsian Strategik



Menjalin kerjasama strategik bersama sektor swasta, universiti, *startup* dan agensi teknologi dalam pembangunan penyelesaian pintar yang bersesuaian dengan konteks tempatan.

Nota: Fungsi-fungsi ini adalah tertakluk kepada kesesuaian dan keupayaan UPP-BP dan boleh ditambah baik dari semasa ke semasa.


4.4 Cadangan Tadbir Urus Bandar Pintar Peringkat Tempatan

Bagi memperkukuh pelaksanaan inisiatif bandar pintar, dicadangkan agar setiap PBT menubuhkan Unit Bandar Pintar yang bertanggungjawab merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan projek bandar pintar di bawah pentadbiran masing-masing. Unit ini akan beroperasi di bawah seliaan Yang Dipertua (YDP) dan dianggotai oleh pegawai pelbagai bidang. PBT juga boleh menubuhkan atau mengadaptasi Jawatankuasa Khas Bandar Pintar bagi menyokong pelaksanaan dan penyelarasan inisiatif di peringkat tempatan selaras dengan aspirasi Negeri dan Negara.

4.4.1 Tadbir Urus Bandar Pintar Peringkat Majlis Bandaraya

Model penyelarasan bagi unit tadbir urus bandar pintar di peringkat majlis bandaraya adalah seperti ditunjukkan dalam **Rajah 4.6**. Model ini disediakan sebagai rujukan kepada PBT sekiranya dinaik taraf ke status majlis bandaraya pada masa hadapan.

Rajah 4.6: Cadangan Model Penyelarasan Peringkat Majlis Bandaraya




Sumber: Kajian Blueprint Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040

4.4.2 Tadbir Urus Bandar Pintar Peringkat Majlis Perbandaran

Model penyelarasan bagi unit tadbir urus bandar pintar peringkat majlis perbandaran adalah seperti **Rajah 4.7** di bawah.

Rajah 4.7: Cadangan Model Penyelarasan Peringkat Majlis Perbandaran



Sumber: Kajian Blueprint Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040

4.4.3 Tadbir Urus Bandar Pintar Peringkat Majlis Daerah

Model penyelarasan bagi unit tadbir urus bandar pintar peringkat majlis daerah adalah seperti **Rajah 4.8** di bawah.

Rajah 4.8: Cadangan Model Penyelarasan Peringkat Majlis Daerah




Sumber: Kajian Blueprint Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040

Nota: Penubuhan unit khas bandar pintar di peringkat PBT adalah tertakluk kepada kesesuaian dan keupayaan masing-masing dan perlu diperincikan dengan lebih lanjut di peringkat pelaksanaan Pelan Tindakan Bandar Pintar bagi setiap PBT.

4.5 Mekanisma Pelaksanaan

4.5.1 Fasa Pelaksanaan Inisiatif Bandar Pintar

Untuk mencapai visi dan misi *Blueprint* Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040, semua pihak yang terlibat dari peringkat perancangan, penilaian, pelaksanaan hingga pemantauan perlu melaksanakan tanggungjawab dengan penuh berkesan. Hal ini bagi memastikan inisiatif pembangunan bandar pintar dilaksanakan mengikut landasan yang betul, selaras dengan belanjawan dan garis masa yang telah dirancang. Fasa pelaksanaan inisiatif bandar pintar yang dicadangkan merangkumi Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3 seperti di **Rajah 4.9**.



Rajah 4.9: Fasa Pelaksanaan Inisiatif Bandar Pintar


4.5.2 Model Pelaksanaan Pembiayaan Projek Bandar Pintar

Terdapat tiga (3) jenis Model Pelaksanaan Pembiayaan yang boleh dilaksanakan bagi setiap projek bandar pintar untuk memperolehi sumber kewangan yang diperlukan di samping memastikan kelancaran pelaksanaan projek. Model Pelaksanaan Pembiayaan yang dimaksudkan boleh dirujuk melalui **Rajah 4.10, 4.11, dan 4.12**.

Rajah 4.10: Model Pelaksanaan *Public Funding* (PF)



Rajah 4.11: Model Pelaksanaan *Public and Private Funding* (PPF)



Rajah 4.12: Model Pelaksanaan Private Funding Initiative (PFI)



4.5.3 Landskap Sokongan Strategik bagi Pembangunan Bandar Pintar

Bagi memastikan kelangsungan dan kejayaan pelaksanaan pembangunan bandar pintar di Negeri Kelantan, pendekatan kolaboratif dan sokongan strategik daripada pelbagai pihak amat diperlukan. Landskap ini merangkumi penglibatan kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, sektor swasta, institusi akademik serta pertubuhan masyarakat yang berperanan menyumbang dalam bentuk dana, kepakaran, teknologi, dasar sokongan dan pelaksanaan inisiatif. Gabungan kepakaran serta sumber dari semua pihak ini akan membentuk ekosistem pembangunan bandar pintar yang lebih mampan, menyeluruh dan inklusif (Rujuk **Rajah 4.13**) .

Rajah 4.13
Landskap Sokongan Strategik Pembangunan Bandar Pintar

Kerajaan Persekutuan

KPKT

- *Geran Transformasi Bandar Pintar (Smart City Grant)*

EPU

- *Peruntukan Rancangan Malaysia*
- *Dana Pembangunan Wilayah*

KKMM

- *Dana perluasan jalur lebar dan 5G Program JENDELA dan inisiatif komuniti digital*

MOT

- *Dana penyelidikan dan pembangunan sistem pengangkutan pintar*
- *Peruntukan infrastruktur hentian pintar, smart parking dan e-scooter*

MITI

- *Geran Transformasi Bandar Pintar (Smart City Grant)*

MOSTI

- *Dana Inovasi Teknologi Malaysia (MaGIC, MRANTI)*
- *Dana penyelidikan dan pembangunan sains & teknologi bandar*

SKMM MCMC

- *Dana USP (Universal Service Provision) untuk menambah baik capaian internet luar bandar*
- *Dana projek Wi-Fi komuniti, digital inclusion dan literasi teknologi*

MDEC

- *Dana Geran Ekonomi Digital (DEG)*
- *Program e-Rezeki, e-Usahawan dan sokongan untuk Smart City Sandbox*

Pihak Swasta

1. Pelaburan langsung dalam projek seperti *smart parking, EV charger, CCTV, smart lighting*
2. Model perniagaan komersial seperti keuntungan melalui langganan sistem pintar atau aplikasi bandar
3. CSR (Tanggungjawab Sosial Korporat), projek sosial komuniti digital
4. Skim sewaan atau penyelenggaraan sistem pintar secara konsesi
5. Start-up tempatan melalui pelaburan bersama dan penciptaan model teknologi kos efektif

Kerajaan Negeri dan Agensi/Jabatan Tempatan

1. Bajet negeri tahunan
2. Geran khas pembangunan pintar kepada PBT
3. Pelaksanaan projek quick-win seperti Wi-Fi komuniti, *smart lighting* dan lain-lain
4. Kerjasama Awam-Swasta (PPP) melalui PMBK atau agensi negeri
5. Skim galakan teknologi dan insentif pelaburan kepada pelabur pintar (contoh: pengecualian cukai PBT, sewaan tapak *EV charging*)

Akademik dan Pertubuhan Masyarakat

1. Geran akademik: FRGS, TRGS, RAGS (KPT)
2. Penyelidikan bersama PBT untuk penyelesaian pintar tempatan
3. Dana komuniti (contoh: UNDP, UNICEF, WWF)
4. Latihan dan pemerkasaan komuniti digital
5. Projek komuniti pintar seperti kebun bandar, sistem amaran banjir pintar dan lain-lain

4.6 Roadmap Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040

2024-2025

PERANCANGAN BANDAR PINTAR

FASA 1

i. **Sesi Libat Urus**
- Pengumpulan, pengesahan maklumat, maklum balas dan pengesahan cadangan

ii. **Penyediaan Draf Laporan Awal *Blueprint* Bandar Pintar**
- Merangka dasar, strategi dan inisiatif *Blueprint* Bandar Pintar Negeri Kelantan
- Penentuan kaedah pelaksanaan
- Mekanisme tadbir urus

iii. **Penyediaan Draf Laporan Akhir *Blueprint* Bandar Pintar**
- Memuktamadkan *Blueprint* Bandar Pintar

iv. **Kelulusan dan Penerimaan *Blueprint* Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040**

2025-2030

PELAKSANAAN BANDAR PINTAR FASA 1

i. **Penubuhan UPP-BP** di bawah kawal selia PLANMalaysia Kelantan.

ii. Penubuhan **Urus Setia Bandar Pintar** di peringkat PBT.

iii. Penyediaan **Pelan Tindakan Bandar Pintar** oleh PBT untuk mencapai status ***Smart City Early Adopter*.**

iv. Pelaksanaan projek perintis bandar pintar oleh PBT.

v. Pelaksanaan projek/program Fasa 1 oleh agensi dengan pemantauan pelaksana dan kolaborasi pihak berkepentingan .

vi. Penilaian sasaran dan keberkesanan inisiatif Fasa 1.

FASA 2

2036-2040

PELAKSANAAN BANDAR PINTAR FASA 2

i. Pelaksanaan projek/program Fasa 2 oleh agensi dengan pemantauan pelaksanaan berterusan.

ii. Menjalankan kerjasama antara agensi dan pihak berkepentingan dalam pelaksanaan bandar pintar.

iii. Semua PBT mencapai tahap ***Developing Smart City*.**

iv. Penilaian keberkesanan dan pencapaian sasaran Fasa 2.

FASA 3

2031-2035

PELAKSANAAN BANDAR PINTAR FASA 3

i. Pelaksanaan projek/program Fasa 3 oleh agensi dengan pemantauan pelaksanaan berterusan.

ii. Menjalankan kerjasama antara agensi dan pihak berkepentingan dalam pelaksanaan bandar pintar.

iii. Satu (1) PBT peringkat Majlis Perbandaran mencapai tahap ***Visionary Smart City*** iaitu MPKB-BRI.

iv. Tiga (3) PBT peringkat Majlis Daerah mencapai tahap ***Leading Smart City*** iaitu MDK-PI, MDT dan MDPP.

v. Penilaian keberkesanan dan pencapaian sasaran Fasa 3.

SELEPAS TEMPOH FASA PELAKSANAAN BANDAR PINTAR

i. Penilaian keberkesanan *Blueprint* Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040.

ii. Penilaian penarafan semua PBT di Negeri Kelantan mengikut standard MS ISO 37122:2021.

iii. Kajian semula *Blueprint* Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040.

4.7 Teras Penilaian Tahap Kematangan Bandar Pintar

Tahap kematangan bandar pintar dirangka sebagai panduan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) di Negeri Kelantan dalam merealisasikan visi dan misi Blueprint Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040. Model ini berasaskan Standard Indikator Bandar Pintar MS ISO 37122:2021, yang digunakan untuk menilai dan meningkatkan tahap pembangunan bandar pintar PBT di Negeri Kelantan secara objektif dan berterusan.

Smart City Maturity Journey			Tahap 1 *Smart City Early Adopter*	Tahap 2 *Developing Smart City*	Tahap 3 *Leading Smart City*	Tahap 4 *Visionary Smart City*
Polisi	**Pelan Tindakan Bandar Pintar**	• Tiada	• Menyediakan Pelan Tindakan 5 Tahun • Mengintergrasikan Projek Perintis secara Individu • Keupayaan pelaporan	• Melaksana sebahagian inisiatif dari Pelan Tindakan Bandar Pintar • Pelaporan Pelan Tindakan 5 Tahun secara berkala	• Melaksana kebanyakan inisiatif pelan tindakan bandar pintar	• Melaksana kesemua insiatif Pelan Tindakan Bandar Pintar • Semakan Semula Pelan Tindakan Bandar Pintar
	Tadbir Urus Bandar Pintar	• Tiada	• Menubuhkan Unit Bandar Pintar	• Jawatankuasa Bandar Pintar yang aktif • Menubuhkan Bahagian/Unit Bandar Pintar	• Jawatankuasa Bandar Pintar yang Proaktif	• Jawatankuasa Bandar Pintar yang Proaktif dan Effektif • Bahagian/Unit Bandar Pintar • SME Smart City
Pengurusan Data	**Pengurusan Data**	• Tiada polisi data terbuka • Data Silo • Akses Data secara Manual	• Menyelaras Polisi Data Terbuka • Perkongsian dan pengintegrasian data yang terhad	• Melaksanakan dasar data terbuka • Integrasi data perbandaran yang lebih meluas • Dashboard yang terkini	• Melaksana polisi data terbuka secara komprihensif • Integrasi data yang komprihensif (antara agensi)	• Melaksana polisi data terbuka secara komprihensif • Pengintegrasian data secara automatik
	Analitik Data	• Tiada	• Descriptive	• Descriptive • Diagnostic	• Descriptive • Diagnostic • Predictive	• Descriptive • Diagnostic • Predictive • Prescriptive
	Pusat Kawalan (Command Centre or Incident Operations Centre/IOC)	• Tiada *command centre/ dashboard*	• Papan pemuka asas/*mini command centre* • *Limited insights*	• Integrasi command centre	• Advance Command Centre/Integrated Operation Centre	• Advance Command Centre / Integrated Operation Centre
Indikator	**Internet of Things (IoT)**	• Tiada/ Terhad	Integrasi IoT dan connectivity	Integration between IoT Vertical	Integrasi antara IoT Vertical yang lebih meluas	Next Generation IoT (NGIoT)
	MS ISO 37122:2019	• Tidak dipatuhi	Mematuhi **10 Indikator**	Mematuhi **35 Indikator**	Mematuhi **63 Indikator**	Mematuhi **85 Indikator**
			1 - 2 Tahun	**2 - 3 Tahun**	**5 - 10 Tahun**	**10 - 15 Tahun**
			2025 - 2027	**2028 - 2030**	**2031 - 2035 >**	**2035 - 2040 >**

4.8 Sasaran Negeri Pintar 2040 Mengikut Tahap Pensijilan

Negeri Kelantan menyasarkan pencapaian status Negeri Pintar menjelang tahun 2040 melalui pelaksanaan **35 dasar, 107 strategi, 198 inisiatif dan 238 hasil sasaran yang digariskan**. Kejayaan agenda ini memerlukan kerjasama erat semua pihak, termasuk agensi di peringkat Persekutuan, Negeri dan Tempatan, khususnya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) selaku pengurus bandar. Berdasarkan cadangan inisiatif dan penjajaran dengan Standard Indikator Bandar Pintar MS ISO 37122:2019, sebanyak 83 daripada 85 atau 97.6% indikator dapat dicapai oleh negeri dan PBT selaras dengan sasaran dalam kerangka *Malaysia Smart City Maturity Journey* yang merangkumi empat tahap kematangan sebagaimana di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1: Cadangan Inisiatif Bandar Pintar Mengikut Tahap Pensijilan

	Tahap 1 *Smart City Early Adopter*	Tahap 2 *Developing Smart City*	Tahap 3 *Leading Smart City*	Tahap 4 *Visionary Smart City*
Smart Government	I1, I13, I17, I21, I22	I4, I19, I23	I24	I9, I12, I20
Smart People		I1, I4, I26, I27, I28, I36	I7, I8, I22, I23, I29, I32	I2, I11, I13, I31, I35, I39, I40
Smart Economy	I9, I10	I7, I11, I19, I23	I7, I8, I23, I29, I32	I4, I12, I13, I31, I35
Smart Living	I1, I2, I13, I15	I3, I5, I6, I9, I12, I16, I20, I22	I7, I8, I10, I11, I17, I18, I21	
Smart Mobility	I1, I2, I8, I13	I10, I18	I4, I9, I13, I15, I20	I7, I23
Smart Environment	I3, I4	I2, I8, I10, I16, I26, I29, I30, I32, I33	I11, I14, I17, I22, I27, I28	I12, I18, I21, I22, I24, I28
Smart Digital Infrastructure	I9, I3, I14, I15	I1, I5, I7, I8, I12, I13, I19		I4, I6, I16, I17

PEMBANGUNAN RAKYAT PINTAR

NEGERI KELANTAN

4.9 Gagasan Membangun Bersama Islam



1990-2013

ALMARHUM TAN SRI DATO' BENTARA SETIA TUAN GURU DATO' HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT

MEMBANGUN BERSAMA ISLAM (MBI)

Era pertama melibatkan pembinaan teras utama antaranya pengurusan kewangan Islam dan pengukuhan akhlak rakyat berdasarkan cara hidup Islam melalui certusan Membangun Bersama Islam (MBI) oleh Almarhum Tan Sri Dato' Bentara Setia Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (Tok Guru).



2013-2023

YANG BERHORMAT DATO' BENTARA KANAN USTAZ DATO' HAJI AHMAD BIN YAKOB

MERAKYAT MEMBANGUN BERSAMA ISLAM (MMBI)

Era kedua melibatkan pelaksanaan ke arah mencapai Tonggak 3K (Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan) berpandukan strategi Merakyat Membangun Bersama Islam (MMBI) dan Pelan Strategik Kelantan Melangkah Ke Hadapan (KMK) serta Prinsip Pengurusan Ihtirafi dan Strategi Lautan Hijau di bawah pimpinan Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob. Pelaksanaan dasar MBI diperkukuhkan lagi dengan penubuhan Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG) sebagai pusat dokumentasi, penyelidikan dan penghayatan terhadap pemikiran serta sumbangan besar Tok Guru kepada negeri dan negara.



2023-kini


YANG AMAT BERHORMAT DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MOHD NASSURUDDIN DAUD

PENGHAYATAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM (PMBI)

Era ketiga diteruskan oleh YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud melalui Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI). Era ini menumpukan kepada pengamalan dan pembudayaan nilai-nilai Islam dalam semua aspek kehidupan, termasuk dalam inisiatif pembangunan pintar yang menekankan elemen rakyat berilmu, beretika dan celik teknologi yang menjadi asas kepada strategi pembangunan Kelantan termasuk dalam pelaksanaan Blueprint Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040.

ALMARHUM TAN SRI DATO' BENTARA SETIA TUAN GURU DATO' HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT

Merupakan seorang tokoh ulama, pendidik dan negarawan Islam yang sangat dihormati di Malaysia, khususnya di Negeri Kelantan. Beliau dikenali dengan panggilan mesra *Tok Guru* dan dianggap sebagai simbol Kepimpinan Islam yang **zuhud, berprinsip dan mendidik dengan kasih sayang**.



..... Di tengah-tengah arus sekular yang mendominasi suasana negara, Kelantan masih mampu berdiri tegak di atas dasar Membangun Bersama Islam. Inilah kekuatan kita dan inilah yang perlu kita pertahankan selama-lamanya.

Sumber : Koleksi Foto dan Kata-kata Tok Guru, IPTG Kelantan

4.10 Bandar Pintar dari Lensa Pemikiran *Tok Guru*

١

Tok Guru menekankan pembangunan yang tidak mengabaikan akhlak, spiritual dan kesejahteraan jiwa. Beliau menolak pembangunan yang hanya mengejar material semata-mata, sebaliknya mengutamakan **pembangunan insan sebagai teras**.

Pembangunan Berteraskan Nilai dan Kerohanian

٢

Tok Guru sangat menekankan prinsip **"Good Governance", integriti dan keadilan dalam pentadbiran**. Pemerintahan yang bersih, telus dan amanah adalah antara nilai utama yang beliau perjuangkan.

Pemerintahan Berasaskan Ketelusan & Amanah

٣

Tok Guru memperjuangkan supaya **pembangunan tidak bersifat elitis, tetapi inklusif untuk semua golongan** termasuk orang miskin, luar bandar dan marhaen.

Ketersamaan & Akses Saksama

٤

Tok Guru amat menekankan hubungan manusia dengan alam, menganggap **penjagaan alam sebagai sebahagian daripada amanah Allah**.

Kelestarian Alam Sekitar

Konsep Bandar Pintar

١ Konsep bandar pintar bukan hanya fokus pada teknologi, tetapi turut memberi perhatian kepada **kesejahteraan sosial, keterangkuman dan kelestarian hidup**.

٢ Pembangunan bandar pintar kini menekankan **kualiti hidup yang seimbang**, termasuklah kemudahan awam, keselamatan, kesihatan dan akses maklumat di mana selari dengan prinsip pembangunan yang holistik sebagaimana yang ditekankan oleh Tok Guru.

١ Teknologi bandar pintar seperti data terbuka (open data), e-governance dan automasi perkhidmatan awam memudahkan ketelusan dan pemantauan rakyat terhadap kerajaan.

٢ Ini selari dengan prinsip Tok Guru untuk menjadikan rakyat sebagai pemegang amanah yang boleh menilai dan menyemak tadbir urus kerajaan.

١ Bandar pintar menekankan akses saksama teknologi, kemudahan dan peluang ekonomi kepada semua lapisan masyarakat.

٢ Contohnya Wi-Fi komuniti, aplikasi kesihatan awam, pengangkutan pintar yang mampu dinikmati semua dan konsep ini selari dengan matlamat Tok Guru untuk mewujudkan pembangunan yang inklusif tanpa mengabaikan golongan yang memerlukan.

١ Bandar pintar menggunakan teknologi hijau dan data untuk mengurangkan pencemaran, jejak karbon dan pembaziran tenaga. Sebagi contoh, penggunaan lampu LED pintar, pengurusan sisa pintar, dan bangunan mesra alam.


٢ Ini mencerminkan pemikiran Tok Guru dalam menjaga alam sekitar sebagai tanggungjawab moral dan agama.

4.11 Pendekatan Pembangunan Rakyat Pintar

Konsep Rakyat Pintar di Negeri Kelantan mula diterapkan secara teori melalui pelaksanaan **Dasar Membangun Bersama Islam (MBI)** yang menekankan pembangunan modal insan secara menyeluruh merangkumi aspek rohani, intelektual dan sosial serta dengan Islam sebagai asas panduan utama. Secara praktikal, pelaksanaan dasar ini dizahirkan melalui penubuhan **medan ilmu**, iaitu program kuliah terbuka mingguan yang menjadi pusat penyebaran ilmu. Inisiatif ini bukan sahaja menyampaikan ilmu agama kepada masyarakat umum, malah turut membentuk jati diri, pemikiran dan akhlak rakyat Kelantan yang berteraskan nilai-nilai Islam.

4.11.1. Konsep Medan Ilmu dalam Konteks Bandar Pintar

Salah satu kaedah dalam pembangunan insan di Negeri Kelantan adalah dengan kewujudan medan ilmu yang digerakkan oleh Tok Guru di Jajahan Kota Bharu dan beberapa jajahan lain merupakan satu bentuk pendidikan masyarakat berteraskan Islam secara terbuka dan berterusan. Medan ilmu ini bukan sahaja berfungsi sebagai tempat penyampaian kuliah dan ceramah agama, malah turut menjadi pusat pelbagai aktiviti ekonomi dan sosial. Semasa program-program ilmu berlangsung, aktiviti perniagaan turut dijalankan, mewujudkan suasana yang meriah dan berkat. Pendekatan ini membentuk ekosistem pembangunan insan secara menyeluruh yang menggabungkan pencarian ilmu, pembangunan ekonomi dan pembinaan jaringan sosial yang kukuh. Ia juga mencerminkan nilai Islam dalam mengimbangkan tuntutan dunia dan akhirat. Dalam konteks pembangunan Bandar Pintar, **konsep medan ilmu ini sangat bertepatan dengan prinsip *Smart People* dan *Smart Economy*** di mana rakyat bukan sahaja celik ilmu dan teknologi, malah berdaya saing dalam aktiviti ekonomi yang mampan dan beretika.



Rajah 4.14: Lokasi Medan Ilmu di Negeri Kelantan

4.11.2 Cadangan Memperkasa Ke Arah *Smart* Medan Ilmu

Kemajuan teknologi masa kini membolehkan medan ilmu diteruskan dan diperluas secara lebih sistematik, inklusif dan berkesan melalui penggunaan teknologi digital bagi menyokong pelaksanaan medan ilmu selaras dengan aspirasi Bandar Pintar.

SMART MEDAN ILMU

Aplikasi Medan Ilmu Digital (Mobile App)

Membangunkan aplikasi khusus seperti **"Medan Ilmu Kelantan"** yang menghimpunkan semua ceramah, jadual kuliah setiap jajahan, serta bahan bacaan atau artikel agama.

1. Memudahkan akses kepada semua medan ilmu dalam satu platform.
2. Notifikasi kepada pengguna apabila ada kuliah baru.
3. Ruang soal jawab dan forum komuniti.

Ceramah Berpusat dengan Siaran Langsung Serentak

Ceramah utama dijalankan **secara fizikal di medan ilmu pusat (contohnya Dataran Ilmu Kota Bharu)**. Siaran langsung dihantar ke **medan ilmu setiap jajahan melalui skrin besar atau projector.**

1. Semua kawasan jajahan dapat mengakses ilmu serentak.
2. Menyatu padukan pengisian rohani seluruh negeri.
3. Mengoptimumkan masa dan tenaga penceramah.

Penggunaan Teknologi *Multiplatform Streaming*

Menggunakan platform seperti ***YouTube Live, Facebook Live, atau Zoom Webinar***. Setiap jajahan boleh menjadi 'host point' yang menyambung siaran ke khalayak setempat.

1. Tambah **subtitle** atau **terjemahan ringkas** jika perlu bagi capaian generasi muda.
2. Sediakan sesi soal jawab interaktif secara live melalui ruangan komen atau QR code.

Penubuhan Unit Teknikal Medan Ilmu Negeri

Satu pasukan teknikal khas boleh ditubuhkan di bawah kerajaan negeri atau jabatan agama untuk **mengurus siaran langsung, penyelarasan jadual penceramah dan penyimpanan rakaman ceramah**.

1. Konsisten dan kualiti siaran terjamin.
2. Mewujudkan perpustakaan ceramah digital Negeri Kelantan.

Platform e-Pembelajaran Islamik

Menawarkan **kursus dalam talian percuma** berdasarkan isi kandungan kuliah Tok Guru dan penceramah lain, dengan kuiz, nota dan sijil penyertaan.

1. Menggalakkan pembelajaran sistematik.
2. Sesuai untuk pelajar, guru dan masyarakat umum.
3. Platform ini juga boleh digunakan untuk latihan penceramah muda.


Jaringan Medan Ilmu Jajahan (Networking & Collaboration)

Mewujudkan **sistem rangkaian antara medan ilmu** di setiap jajahan berkongsi penceramah, jadual kuliah, sumber bahan dan aktiviti inter-jajahan.

1. Koordinasi lebih terancang.
2. Memperluas pengaruh dan capaian medan ilmu.
3. Menggalakkan perpaduan ilmu antara daerah.

Petunjuk:

Kelebihan/Manfaat



SMART BILLBOARD

Paparan maklumat kuliah, pengumuman PBT dan kandungan interaktif

LAMPU HIASAN SOLAR

Pencahayaan malam yang jimat tenaga dan mewujudkan suasana meriah serta selamat

SMART POLE

- Pencahayaan automatic
- Kamera keselamatan (CCTV)
- WiFi awam
- Pembesar suara
- Emergency Button

PENERAPAN KAEDAH PEMBAYARAN TANPA TUNAI (CASHLESS)

Bertepatan dengan suasana perniagaan setempat, inisiatif ini dapat mula diwawarkan secara berperingkat bagi menyokong visi ke arah Kelantan Pintar.



SOLAR SMART PANEL

Untuk menjana kuasa tenaga boleh diperbaharui untuk menyokong keperluan tenaga di dataran.

PENAMBAHBAIKAN SISTEM RANGKAIAN SUARA


- Sistem pembesar suara outdoor berkuasa tinggi (long-range horn speakers)
- Penggunaan kabel bawah tanah serta sambungan tanpa wayar (wireless repeater)
- Kawalan suara berpusat dengan equalizer digital
- Integrasi dengan sistem amaran awam dan speaker Smart Pole




بندر قينتر نڬري كلنتن ٢٠٤٠

Dataran Ilmu Kota Bharu

Dataran Ilmu Kota Bharu yang terletak di tengah-tengah pusat bandar merupakan lokasi strategik yang **menghimpunkan dua elemen utama penyampaian ilmu secara terbuka dan aktiviti perniagaan yang berlangsung secara serentak**. Suasana yang padat dan dinamik ini menjadikan dataran tersebut sebagai medan ilmu unik yang menyatukan keperluan rohani dan ekonomi masyarakat.





PENAMBAHBAIKAN SISTEM RANGKAIAN SUARA

- Sistem pembesar suara outdoor berkuasa tinggi (long-range horn speakers)
- Penggunaan kabel bawah tanah serta sambungan tanpa wayar (wireless repeater)
- Kawalan suara berpusat dengan equalizer digital
- Integrasi dengan sistem amaran awam dan speaker Smart Pole

Dataran Kemahkotaan Machang

Dataran Kemahkotaan di Machang dicadangkan sebagai lokasi **medan ilmu berintegrasi dengan kawasan rekreasi**, yang sesuai untuk semua lapisan masyarakat hadir menimba ilmu sambil menikmati aktiviti santai. Pendekatan ini sejajar dengan aspirasi pembangunan rakyat pintar dan bandar pintar secara menyeluruh.

LAMPU HIASAN SOLAR

Pencahayaan malam yang jimat tenaga dan mewujudkan suasana meriah serta selamat

SMART BOLLARD

Mengawal akses kenderaan meningkatkan keselamatan pejalan kaki memastikan laluan kekal selamat dan teratur dalam kawasan awam.

SOLAR SMART FLOWER

Untuk menjana kuasa tenaga boleh diperbaharui untuk menyokong keperluan tenaga di dataran.

SMART BILLBOARD

Paparan maklumat kuliah, pengumuman PBT dan kandungan interaktif

PONDOK SANTAI DIGITAL

- Panel Solar Atas Bumbung
- Pengecas USB & Wireless Charging
- Pencahayaan LED Pintar
- Paparan Maklumat Digital Mini
- WiFi Awam Bersepadu
- Butang Kecemasan (Emergency Button)
- Tempat Duduk Ergonomik & Mesra OKU

SMART POLE

- Pencahayaan automatic
- Kamera keselamatan (CCTV)
- WiFi awam
- Pembesar suara

Halaman ini sengaja dibiarkan kosong

BAB

5




PENUTUP

Blueprint ini menyediakan hala tuju pembangunan bandar pintar yang menyeluruh dan berteraskan nilai Islam. Ia menjadi panduan utama kepada PBT dan agensi berkaitan dalam pelaksanaan inisiatif pintar yang mampan dan inklusif menjelang 2040. Kejayaan blueprint ini bergantung kepada tadbir urus bersepadu, penglibatan rakyat dan penggunaan teknologi yang berkesan ke arah membina negeri yang pintar, berkat dan sejahtera.

Ekosistem KELANTAN PINTAR







Keperluan Kolaborasi dan Komitmen

Pelbagai pihak perlu terlibat secara berterusan

Berteraskan 7 Komponen Pintar

Tadbir urus, rakyat pintar, mobiliti, persekitaran, teknologi, ekonomi, kehidupan

Dokumen Strategik Negeri

Panduan pelaksanaan bandar pintar untuk PBT dan agensi



Selari dengan Dasar dan Dokumen Negeri

Menyokong Dasar Membangun Bersama Islam dan lain-lain dokumen negeri yang berkaitan

Menuju Negeri Pintar, Diberkati dan Sejahtera

Kejayaan bergantung kepada pembentukan rakyat yang pintar, berakhlak dan bertanggungjawab

بندر ڤينتر نکري کلنتن ٢٠٤٠

Pemandangan Sekitar Bandar Kota Bharu

©andypua.com

Zuraila binti Zulkifli



Nik Mohd Azreen bin Nik Abdullah



Raihan binti Md Nawi



Pengurus Projek

Ts. Siti Khairunnisaa binti Che Hasim



LAr. Nik Nurina binti Dato' Dr. Hj. Nik Saidina Omar



Siti Aishah binti Abdullah @ Yaacob



Nurul Zafirah binti Yusof



Mohamad Amar bin Mat Nori



Pasukan PETUGAS SMART CITY




MUSE ECO PARK
CROP CYCLE
URBAN FARMING
STESEN REL
ECRL
SMART POLE
E-BIKE